


Jilid IV
Bil. 17



Hari Selasa
20hb Disember, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMEN TRARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 2227]

URUSAN MESYUARAT
[Ruangan 2228]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2228]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 2260]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1999

MALAYSIA

PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA*Penyata Rasmi Parlimen***PENGGAL YANG KEEMPAT****AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TANSRIDATO'G. VADRVELOOA/ L GOWVINDASAMY,
P.S.M., D.P.M.S., S;M.S., A.M.N. (Dilantik).

- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN MUSA
S.I.M.P. (Dilantik).
- „ Tuan Timbalan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P.
(Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S.
(Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK DR,
JEFFREY G. KITINGAN, P.G.D.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna, DR. SAK CHENG LUM (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.
(Pulau Pinang),
- „ TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHONG KAH KIAT (Dilantik).
- „ TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN FU AH KIW (Dilantik).
- „ TUAN DING SELING (Dilantik).
- „ TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., JP. (Melaka).
- „ TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—
Wilayah Persekutuan).
- „ WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- „ TUAN IBRAMM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.J.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- „ TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- „ TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- „ TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER, K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).
- „ PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- „ PUAN KIAN Srr HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T., I.P. (Melaka).
- „ TUAN LIMUN LAIKIM (Sabah).
- „ TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).
- „ PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTH HUSIN (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Dilantik).
- „ DATO' MOHD. RADZI BIN MANAN, D.P.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).
- „ TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- „ DATO' IR. NG THIAN HOCK, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ DR. NG YEN YEN, P.J.K., (Pahang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N., (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ TUAN HAJI SALLEH *alias* HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- „ PUAN SRI SARASA PASAMANJCKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN V. SARAVANAN A/L YELIAUDAYAR (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SELEMIAH BINTI HASHIM (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN, D.I.M.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- „ DATO' SOONG SEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN TAN SON LEE (Kedah).
- „ DATO' V.K.K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Dilantik).
- „ DR. TOH KIN WOON, P.K.T. (Pulau Pinang).
- „ DATUK.K. YIJAYANATHAN A/L KESAYA PEJU, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH WAN INTAN BIN HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- „ TUAN M. ZEEVILL *alias* SHANMUGAM A/L R.M.S. MUTAYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.

Penolong Setiausaha Kanan: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Kanan: Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 20hb Disember, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya menjemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"19hb Disember, 1994.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RAKYAT KEPADA DEWAN
NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1995.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supayarang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MALAYSIA/AUSTRALIA—
HUBUNGAN DUA HALA**

1. **Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan usaha-usaha untuk mewujudkan hubungan dua hala Malaysia dan Australia supaya memperbanyakkan lagi pelaburan di kedua-dua belah pihak dan jika tidak nyatakan apakah halangan yang menggugat perhubungan baik antara Malaysia dan Australia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, hubungan kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Australia khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan sentiasa

berjalan dengan baik. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia tidak pernah mengenakan sebarang sekatan kepada pelabur-pelabur kedua-dua negara untuk melabur di negara masing-masing. Malahan kedua-dua buah Kerajaan Malaysia dan Australia sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat swasta di kedua-dua buah negara supaya berusaha dengan lebih gigih untuk mempertingkatkan pelaburan mereka di kedua-dua negara demi untuk mempererat lagi hubungan kerjasama dua hala yang sedia ada di antara Malaysia dan Australia.

KOLEJ SWASTA—KURSUS KEJURUTERAAN DAN TEKNIKAL

2. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah institusi pengajian tinggi swasta (collegeswasta) yang berdaftar di Malaysia dan berapakah yang menawarkan jurusan kejuruteraan atau teknikal; dan
- (b) adakah kerajaan memberi sebarang insentif kepada institusi pengajian tinggi swasta (collegeswasta) yang memberi tawaran program kembar (twinning programme) dengan universiti-universiti luar negara bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara dan mendapat pendidikan yang lebih murah.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Sehingga kini Kementerian Pendidikan telah memberi kelulusan penubuhan untuk 214 buah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Dari jumlah itu, 35 buah IPTS ini menjalankan kursus-kursus teknikal termasuk kejuruteraan.

- (b) Kerajaan memang memberi galakan kepada IPTS ini untuk menjalankan kursus dalam program berkembar dengan universiti-universiti luar negeri. Walau bagaimanapun kerajaan sedang mengkaji mengenai pemberian insentif ini.

PELABURAN ASING—NILAI

3. **Tuan Haji Othman bin Yunus** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan nilai pelaburan asing bagi tahun 1993 sehingga November 1994.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk S.S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab bersama semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow pada 19hb Disember tahun ini kerana ianya berkaitan. Oleh yang demikian saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

CEK TENDANG— BILANGAN KES

4. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab cek tendang berlaku;
- (b) berapa banyakkah cek tendang berlaku sejak tahun 1990 hingga 1994; dan
- (c) apakah jalan untuk mengatasi masalah cek tendang ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat sesuatu cek yang

dikemukakan kepada bank akan dikelaskan sebagai "cek tendang" sekiranya dana dalam akaun dari mana cek itu dikeluarkan tidak mencukupi untuk menjelaskan nilai cek yang dikemukakan. Jika kesilapannya berbentuk teknikal, umpamanya angka adalah tidak sama dengan perkataan yang ditulis atas cek tersebut, ini tidak dianggap sebagai cek tendang.

Dalam pada itu antara sebab-sebab kenapa fenomena cek tendang ini berlaku adalah kerana sikap tidak bertanggungjawab dan mungkin ada pemegang-pemegang cek yang tidak sedar kecukupan dana dalam akaun mereka masing-masing.

- (b) Bilangan cek tendang yang dikesan oleh Rumah Penjelasan Automatik Kuala Lumpur bagi kawasan Lembah Kelang dari lahun 1990 hingga Oktober tahun ini adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Cek Tendang
1990	169,000
1991	193,000
1992	195,000
1993	227,000
Januari hingga Oktober 1994	175,000

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cek-cek yang dijelaskan melalui Rumah Penjelasan Automatik Kuala Lumpur adalah kira-kira 70% daripada jumlah cek yang dijelaskan bagi seluruh negara.

- (c) Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Biro MaklumatCek serta mengeluarkan garis panduan dalam tahun 1988 bagi tujuan mengatasi masalah cek tendang. Untuk meningkatkan ke berkesanannya berkuatkuasa mulai 1hb Julai yang lalu, garis panduan ini telah memperkenalkan

beberapa peruntukan yang lebih ketat. Peruntukan ini menetapkan bahawa sesuatu akaun semasa akan ditutup dan pemegang akaun berkenaan akan disenaraikan hitam oleh Biro Maklumat Cek setelah tiga cek tendang dikeluarkan oleh pemegang akaun dalam tempoh 12 bulan disebabkan ketidakcukupan dana dalam akaun tersebut. Di samping itu, semua akaun semasanya di bank-bank lain juga akan ditutup dan semua bank dilarang membuka akaun semasa baru untuk pelanggan yang disenaraikan itu dalam satu jangka masa tertentu. Dalam hal ini, Bank Negara berpendapat bahawa dengan adanya garis panduan itu ia akan dapat meningkatkan disiplin di kalangan pemegang akaun semasa dan seterusnya membendung masalah cek tendang.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, melihat dari statistik yang telah diberi sebentar tadi, menunjukkan bahawa jumlah cek tendang itu bertambah. Soalan saya ialah apakah tidak boleh diambil tindakan 'criminal' terhadap mereka ini disabitkan oleh kerana memberikan tanpa cukup dana akaun merupakan pembohongan dan penipuan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Pada masa ini tindakan yang diambil adalah sekadar mengenakan caj maksimum RM100 yang dikenakan oleh institusi kewangan bagi setiap cek tendang. Kerajaan pada masa ini belum lagi bercadang untuk mengambil tindakan 'criminal' ke atas mereka yang mengeluarkan cek tendang walaupun kita sedar ada beberapa buah negara di dunia yang mengamalkan tindakan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun bilangan cek tendang ini nampaknya tinggi khususnya

pada tahun 1990, 1991, 1992 dan 1993, sejak bulan Julai tahun iaitu sejak garis panduan baru diperkenalkan, bilangan cek tendang telah berkurangan. Jika pada tahun lalu umpamanya secara purata lebih 20,000 cek tendang sebulan dikesan, pada dua, tiga bulan akhir-akhirini, bilangannya sudah menurun kepada kira-kira 15,000 sebulan.

Ini satu penurunan yang ketara dan ini adalah hasil daripada garis panduan yang lebih ketat yang diperkenalkan oleh Bank Negara termasuklah tidak membenarkan pelanggan berkenaan membuka akaun di mana-mana bank yang lain sekiranya ia mengeluarkan cek tendang dalam satu bank yang berlainan.

MAJALAH DARI LUAR NEGARA—KAWALAN KEMASUKAN

5. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kemasukan majalah dari luar negara yang tidak berunsur pengetahuan; dan
- (b) apakah pertumbuhan penerbitan majalah yang tidak berfaedah tidak perlu dihapuskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi dan meneliti Isi kandungan bahan-bahan penerbitan yang dibawa dari luar negara termasuklah semua jenis majalah. Jika didapati penerbitan atau majalah-majalah tersebut mengandungi bahan-bahan atau gambar-gambar yang boleh memudaratkan dari segi kemoralan, ketenteraman awam dan keselamatan negara, tindakan

akan diambil untuk menyekat kemasukan dan mengharamkan penerbitan tersebut.

- (b) Pertambahan bahan-bahan bacaan di pasaran tempatan termasuk majalah adalah bukti bahawa industri penerbitan sedang berkembang pesat selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara. Kementerian Dalam Negeri akan sentiasa mengawasi pertumbuhan pesat industri penerbitan ini supaya tidak sampai menjejaskan keselamatan negara, ketenteraman awam dan kemoralan rakyat negara ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah (stages) yang diambil oleh pihak kerajaan daripada permulaan majalah itu dicetak, diedar dan sampai kepada pihak pembaca iaitu proses penyemakan sesuatu majalah diambil jika ianya melibatkan angkara-angkara yang tidak sihat dalam majalah-majalah yang berkenaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengawasi apa-apa kegiatan penerbitan atau pendedaran majalah-majalah. Sekiranya sesuatu bahan cetakan atau penerbitan yang dikeluarkan secara berkala iaitu periodic dari masa ke semasa, mereka terlebih dahulu perlu ada permit dari kerajaan dan sebelum kerajaan memberikan permit, langkah-langkah seperti tapisan keselamatan terhadap penerbit-penerbit dan syarat-syarat yang tertentu dikenakan.

Bagi majalah-majalah ataupun buku-buku ataupun penerbitan yang tidak berkala, sekiranya terdapat isi kandungannya tidak bercanggah ataupun ada unsur-unsur yang boleh mendatangkan mudarat dari segi kemoralan dan ketenteraman awam dan sebagainya, kerajaan akan mengambil tindakan

mengikuti Akta Penerbitan 1984 di mana kerajaan boleh mengharamkan sesuatu buku itu daripada diedar di pasaran dan sekiranya sesiapa masih meneruskan tindakan yang melanggar undang-undang itu, maka tindakan mengikut Akta itu akan dikenakan terhadap mereka.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada (a) tadi iaitu mana-mana majalah yang boleh menjejaskan soal kemoralan akan diharamkan. Apakah ini bermakna bahawa majalah yang menulis berkenaan dengan fahaman komunis sudah tidak lagi diharamkan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Parti Komiinis Malaya telah pun memeterai perjanjian perdamaian dengan negara kita, tetapi kerajaan pada masa ini masih sentiasa berwaspada kepada ideologi yang mungkin masih mempunyai unsur-unsur memudaratkan negara kita iaitu bermakna, sekiranya ada buku berideologi yang terlalu bercanggah dengan ideologi ataupun sistem Kerajaan Malaysia ini, kita masih tidak memberi kebebasan yang terlampau. Masih ada buku-buku, walaupun daripada ideologi komunis itu masih diharamkan pada masa kini.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengemukakan satu soalan mengenai pertumbuhan penerbitan akhbar dan majalah. Kita dapati penerbitan *Harakah* begitu berleluasa dalam negara kita ini dengan unsur-unsur negatif dan juga fitnah-memfitnah kepada kerajaan dan sebagainya. Apakah penerbitan *Harakah* ini mempunyai permit dan dianggap tidak merbahaya kepada moral dan pemikiran rakyat, khususnya umat Islam dalam negara ini pada Kementerian Dalam Negeri?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan terutamanya

Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi berita-berita ataupun akhbar parti yang dikeluarkan oleh PAS iaitu *Harakah*. Memang betul, pada beberapa ketika ini kita dapati *Harakah* itu mempunyai unsur-unsur yang memfitnah dan juga cuba membuat tohmahan ataupun dakwaan yang bukan-bukan.

Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri dalam tahun ini telah pernah memberi amaran yang keras kepada *Harakah* dan pada suatu ketika apabila hendak ambil tindakan untuk show cause, *Harakah* telah pun berjumpa dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk memberi jaminan bahawa mereka tidak akan mengulangi apa-apa yang mereka telah lakukan dahulu dan syarat-syarat permit yang diberi kepada *Harakah* ialah *Harakah* ini tidak boleh langsung diedar kepada orang luar ataupun bukan ahli PAS. Apa-apa isi kandungannya mestilah tidak memudaratkan ketenteraman awam dan pada masa ini, kita masih mengawasi perkembangan itu.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN DI KAWASAN LUAR BANDAR

6. **Puan Kelsom binti Yaacob** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tidakkah ada cadangan kerajaan untuk membina rumah kos rendah di kawasan luar bandar, tidak hanya di kawasan bandar sahaja. Terutama kawasan yang penduduknya telah ramai berpindah ke Rancangan FELDA dan bandar-bandar, yang menyebabkan ada di antaranya sekolah-sekolah telah ditutup kerana ketiadaan murid, juga kemudahan yang lain-lain telah disediakan oleh kerajaan tidak digunakan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sebenarnya menjalankan

dan melaksanakan program-program perumahan kos rendah di bandar dan di luar bandar juga. Jadi, program yang dijalankan itu tidak terhad di kawasan bandar sahaja. Umpamanya program rumah kos rendah yang berharga RM25,000 kita buat di bandar mengikut keperluan, mungkin bentuknya ada lain sedikit, umpamanya bertingkat-tingkat tetapi program rumah kos rendah berharga RM25,000 juga kita jalankan, kita bina di kawasan-kawasan luar bandar mengikut kesesuaian iaitu rumah-rumah single unit.

Kita juga menjalankan program-program yang lain seperti pinjaman perumahan. Di samping itu, kementerian-kementerian yang lain juga seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Perdana Menteri juga memberi khidmat yang bertujuan sama iaitu untuk membantu kawasan-kawasan luar bandar dari segi perumahan.

Dato' Shahiruddin bin Ab. Moin: Tuan Yang diPertua, soalan tambahan. Hari ini kerajaan menumpukan soal budaya ilmu dan budaya membaca. Hari ini, khususnya di luar-Iuar bandar, semua kawasan-kawasan perumahan yang didirikan oleh kerajaan tidak ada langsung mewujudkan perpustakaan ataupun buku-buku untuk menuju arah dan hasrat kerajaan. Sehingga kini, adakah pihak kementerian mencadangkan untuk mewajibkan setiap kawasan perumahan murah ataupun mahal diwujudkan perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku yang bersesuaian?

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan mengambil kira semua aspek dalam pembangunan perumahan termasuklah aspek-aspek keperluan untuk perbelanjaan seperti yang disebutkan. Tetapi, setakat ini, khusus untuk pemberian library, iaitu perpustakaan dan buku-buku itu, belum ada lagi. Jadi, sekiranya cadangan ini didapati baik, kerajaan akan mengambil kira untuk dipertimbangkan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan ini, disebut kos rumah rendah sebanyak RM25,000. Tetapi kita tahu bahawa di luar bandar, mata pencarian adalah kurang jika dibandingkan di dalam bandar. Keduanya, harga tanah di luar bandar adalah lebih murah daripada di dalam bandar. Jadi, apakah di luar bandar ini juga rumah kos rendah adalah juga RM25,000 ataupun kurang daripada itu?

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana menimbulkan soalan mengenai perbezaan antara kos rendah di kawasan bandar dan luar bandar. Yang sebenarnya, rumah kos rendah ini adalah generalised cost. Memang betul di kawasan luar bandar kemungkinan harga rumah boleh dibina di bawah harga RM25,000 dan di kawasan bandar juga, harga rumah untuk dibina mungkin lebih tinggi daripada RM25,000 mengikut kawasan, negeri dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, di kawasan-kawasan luar bandar, kita juga mempunyai program-program yang bersesuaian seperti program pinjaman bagi orang-orang yang tidak mempunyai pekerjaan iaitu untuk informal sector iaitu pinjaman tidak lebih RM7,500 dan difikirkan harga seperti itu di mana tanah-tanah tidak perlu dibeli adalah bersesuaian. Jadi, harga rumah, sekiranya dibina di luar bandar atau di kampung-kampung yang tanahnya sedia dipunyai oleh tuan rumah, sudat tentulah tidak melebihi daripada RM25,000.

PELAJAR TAJAAN JPA DI LUAR NEGERI—TINDAKAN KERANA MELANGGAR PERJANJIAN

7. **Tuan V. Saravanan** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan banyak peruntukan kewangan/biasiswa telah diberi kepada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri oleh pihak JPA

dan terdapat pelajar-pelajar yang tidak mahu mernberi perkhidmatan mereka setelah tamat pengajian dan ada yang tidak mahu pulang ke tanah air, apakah langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan/JPA bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman); Tuan Yang di-Pertua, semua pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negeri dengan biasiswa kerajaan adalah terikat dengan perjanjian untuk berkhidmat dengan kerajaan setelah mereka menamatkan kursus dengan jayanya dan kembali ke tanah air. Jika sekiranya kerajaan memerlukan mereka berkhidmat dengan kerajaan, tetapi mereka enggan atau tidak mahu pulang, maka tindakan undang-undang seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian ke atas mereka dan penjamin-penjamin akan diambil untuk tuntutan ganti rugi.

DOKTOR PAKAR/DOKTOR PERUBATAN BIASA DI HOSPITAL SIBU—BILANGAN

8. **Tuan Jangu Anak Banyang** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai Hospital Besar Sibu, 6 kilometer dari Bandar Sibu tentang berapakah jumlah doktor dan doktor pakar yang sekarang berkhidmat di Sibu masa kini. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menambahkan jumlah doktor pakar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, jumlah doktor pakar dan doktor perubatan biasa yang sedang berkhidmat di Hospital Sibu pada 1.2.94 adalah berjumlah 49 orang iaitu 8 orang doktor pakar dan 41 orang doktor biasa.

Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah untuk menambahkan bilangan doktor pakar bagi keperluan seluruh negara termasuk Hospital Sibu.

Langkah-langkah yang diambil ialah dengan melatih doktor pakar secara kontrak dan menambahkan hadiah latihan cuti belajar untuk kursus-kursus kepakaran dalam dan luar negeri.

PERSARAAN PILIHAN GURU-GURU—PEMBEKUAN PERMOHONAN

9. **Dr. Toh Kin Woon** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa opsyen bersara awal pada umur 40 tahun bagi guru-guru dibekukan baru-buru ini. Tidakkah cara demikian akan menambatkan ketidakpuasan guru-guru terhadap perkhidmatan perguruan, lebih-lebih lagi apabila sebab-sebab asas yang membawa kepada ketidakpuasan ini tidak diatasi.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak membekukan permohonan persaraan pilihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan telah memperketatkan syarat-syarat untuk menyokong permohonan yang dikemukakan kepada agensi yang meluluskannya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah syarat-syarat terbaharu yang dikenakan kepada pensyarah-pensyarah yang ingin bersara pada umur 40 tahun?

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat yang kita buat untuk menapis permohonan-permohonan untuk bersara atau untuk persaraan pilihan sendiri adalah apabila mencapai umur sekurang-kurangnya 50 tahun lelaki dan bagi wanita apabila mencapai 45 tahun bagi mereka yang dilantik sebelum 12 April 1991.

Ada juga syarat di mana Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diluluskan

mengikuti pengajian peringkat Ph.D. tajaan Kementerian Pendidikan mulai dari tahun 1995 tidak dipertimbangkan. Begitu juga Pegawai Pendidikan yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana, mereka hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun selepas memperolehi kelayakan tersebut.

Berbagai lagi syarat-syarat yang juga mengatakan bahawa Pegawai Pendidikan yang mengikuti kursus dalam perkhidmatan selama 3 bulan ke atas, iaitu dari 3 bulan ke luar negara, hendaklah menggenapkan 3 tahun perkhidmatan setelah tamat kursus itu.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapakah banyak guru-guru yang ingin bersara terlebih awal kerana kita tahu pihak kementerian telah mengadakan banyak jawatan-jawatan ataupun peluang-peluang bagi pihak guru yang begitu menarik sekali, tetapi masih lagi ada guru-guru yang ingin bersara awal. Apakah profesion perguruan hari ini begitu membebakan guru?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, kebanyakan alasan atau sebab-sebab yang telah dikemukakan kepada pihak kementerian ialah sebab-sebab peribadi termasuklah ada guru yang menyatakan mereka ingin untuk berehat dan ada juga yang ingin untuk menguruskan perkara-perkara yang lain untuk menggantikan profesion mereka dan juga yang tertarik untuk berkhidmat di dalam bidang swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Habshah binti Haji Osman.

(Soalan No. 20—Y.B. Puan Habshah binti Haji Osman tidak hadir)

ORANG ASLI—BANTUAN PROGRAM PEMBANGUNAN

11. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa di bawah Projek Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) sehingga akhir Rancangan Malaysia Keenam (RM6), bantuan yang disampaikan kepada masyarakat Orang Asli hanya rumah berukuran 16'x10'. Projek-projek lain di bawah skitn ini belum ada; jika ya:

- (a) adakah maklumat kemiskinan Orang Asli tidak sampai kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU); dan
- (b) dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7) apakah jenis-jenis projek di bawah PPRT yang telah dirangkakan untuk dilaksanakan untuk Orang Asli.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedeh bahawa pencapaian sosio-ekonomi golongan Orang Asli masih lagi jauh ketinggalan berbanding dengan masyarakat Malaysia yang lain dan dengan itu di bawah rancangan pembangunan kerajaan, masyarakat Orang Asli layak menerima pelbagai jenis bantuan program pembangunan yang disediakan oleh kerajaan.

Antara program-program ini adalah projek perumahan PPRT yang mana saiz dan jenis rumah tidak seragam kerana tertakluk kepada keadaan-keadaan tempatan. Di samping itu, terdapat program-program lain yang dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan serta taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli. Contohnya, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli telah diperuntukan sebanyak RM109.5 juta untuk melaksanakan pelbagai projek

ataupun aktiviti di bawah Program Pembangunan Ekonomi dan Program Perkhidmatan Sosial yang melibatkan antaranya; pembangunan tanah dan pertanian melalui projek Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), Rancangan Orang Asli, pembangunan usahawan, perkhidmatan pendidikan dan pembinaan asrama, perkhidmatan kesihatan serta penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam.

Maklumat-maklumat mengenai kemiskinan di kalangan Orang Asli memang sampai ke Unit Perancangan Ekonomi dan kerana itulah masalah-masalah sosio-ekonomi di kalangan masyarakat Orang Asli diambil kira dalam perancangan negara secara berterusan.

Rancangan Malaysia Ketujuh masih dalam proses penggubalan. Walau bagaimanapun, kerana dimaklumi bahawa masyarakat Orang Asli bukan satu masyarakat yang "homogenous" tetapi terdiri daripada tiga kumpulan kaum dan 18 rumpun bangsa serta berada dalam tahap-tahap pembangunan sosio-ekonomi yang berbeza, rancangan untuk masyarakat Orang Asli dijangka akan dibuat dengan komprehensif dan jitu dengan mengambil kira kelainan-kelainan ini.

Tuan Saidin bin Adam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah sambutan Orang Asli terhadap rumah PPRT ini? Sama ada ia dapat sambutan yang menggalakkan kerana ini adalah satu daripada cara yang boleh membawa perubahan sosial yang amat ketara, Kalau kita beri peruntukan yang banyak sekalipun bagi projek-projek yang lain tetapi kalau projek perumahan ini dapat sambutan yang baik, inilah salah satu cara paling baik untuk mengubah sosial masyarakat Orang Asli.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sambutan bagi rumah PPRT memang baik, bahkan kerajaan bukan sahaja

menumpukan kepada rumah-rumah PPRT tetapi rancangan-rancangan yang telah pun dibuat terlebih awal dan sambutan program-program bukan sahaja tertumpu kepada rumah-rumah tetapi pembangunan sosio-ekonomi yang menyeluruh seperti mana yang saya sebutkan tadi. Sambutan inilah pada hari ini yang telah pun merubah keadaan dan kedudukan sosial, membawakan kemajuan kepada masyarakat Orang Asli.

ANGGOTA TENTERA DALAM PBB—JUMLAH KEMATIAN/KECEDERAAN/PAMPASAN

12. **Dato' K. Yijayanathan** minta Menteri Pertahanan dengan memberi butir-butir mengenai jumlah askar-askar Malaysia yang terlibat sebagai Anggota Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Peace Keeping Forces) dan jumlah askar Malaysia yang telah terbunuh atau tercedera ketika dalam tugas dan sama ada askar-askar telah diinsuranskan oleh kerajaan terhadap kematian atau kecederaan dan jika pampasan kena dibayar oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed); Tuan Yang di-Pertua, jumlah anggota ATM yang masih berkhidmat di bawah misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah seramai 2,768 orang anggota. Sepanjang penyertaan Malaysia bersama PBB seramai 14 anggota telah terkorban dan seramai 40 anggota telah mengalami kecederaan.

Anggota Tentera Malaysia telah diberi kemudahan untuk mempunyai insurans masing-masing yang dikenali dengan nama Insurans Kelompok ATM. PBB akan memberikan pampasan sebanyak US\$50,000 bagi anggota-anggota MALBATT sekiranya berlaku kematian atau kecederaan.

**TELEPON - KAPASITI DAN
KEUPAYAAN PERALATAN**

13. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah talian telefon yang sedia ada cukup untuk menampung permintaan orang ramai; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa baru-baru ini di kawasan Kuala Lumpur lebih kurang 30% panggilan tidak dapat disambung oleh kerana semua talian sentiasa sedang digunakan dan keadaan amat membazirkan masa.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapasiti dan keupayaan peralatan untuk menyediakan kemudahan telefon sekarang adalah mencukupi. Namun begitu kita sernua sedia maklum bahawa di setengah-setengah tempat masih terdapat masalah untuk mendapat perkhidmatan telefon dengan cepat. Keadaan ini berlaku kerana di kawasan-kawasan berkenaan talian-talian untuk menyambung dari rumah pelanggan ke ibusawat-ibusawat telefon masih lagi dalam peringkat penyediaan.
- (b) Mengenai soalan (b), saya kurang pasti maksud sebenar soalan itu. Jika soalan ini merujuk kepada kesesakan dalam perkhidmatan telefon biasa, saya percaya ini adalah kurang tepat kerana mengikut perangkaan yang ada tahap kesesakan adalah di peringkat 6% sahaja. Ini pun hanya berlaku di masa-masa, dengan izin, 'peak hours' sahaja iaitu dari 9.00 pagi ke 12.00 tengahari dan 2.00 petang ke pukul 5.00 petang. Mungkin apa yang berlaku dalam keadaan yang disebutkan oleh Ahli

Yang Berhormat adalah disebabkan oleh keadaan yang dikenali sebagai 'B' party engaged, di mana nombor yang 'dipanggil adalah dalam keadaan terpakai. Mengikut perangkaan, kadar ini adalah di peringkat 20% hingga 22%.

Jika soalan (b) berkaitan dengan kesesakan dalam rangkaian Selular CELCOM, suka saya memaklumkan bahawa CELCOM sedang gigih melaksanakan r a n c a n g a n - r a n c a n g a n meningkatkan kapasiti rangkaian dengan pesat. Kesesakan rangkaiannya telah dikurangkan daripada 30% kepada lebih kurang 15% hingga 20% berbanding dengan standard kesesakan antarabangsa telefon selular sebanyak 10%.

**PEKERJA ASING DI SEKTOR
PEMBINAAN DAN
PERLADANGAN—
PEMBEKUAN DALAM
PENGAMBILAN**

14. Tuan Jamaludin bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan bercadang kembali untuk membenarkan pengambilan pekerja luar negara dalam berbagai bidang seperti untuk pembangunan, perladangan, pembantu rumah dan lain-lain bersabit dengan pekerja luar.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membekukan pengambilan pekerja asing mulai 7-1-1994 kecuali bagi pembantu rumah. Pembekuan ini bertujuan untuk mengawal kemasukan mereka secara berleluasa ke negara ini yang boleh menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan. Sungguhpun begitu, kerajaan masih menimbang rayuan dari majikan-majikan yang benar-benar menghadapi masalah kekurangan pekerja

termasuklah di sektor pembinaan dan perladangan bagi memastikan pembekuan tersebut tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen.

Tuan Ng. See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No, 15.

**SRJK/SRJK(C)/SRJK(T)
BILANGAN MURID/SEKOLAH**

15. TuanNgSeeTiong (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan murid di SRJK, SRJK(C) dan SRJK(T) bagi tahun 1990 hingga 1994 dan juga nyatakan:

- (a) bilangan sekolah bagi setiap kategori sekolah rendah tersebut;
- (b) bilangan sekolah baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan Ketujuh yang akan dibina mengikut kategori jenis sekolah tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kesesakan murid-murid di SRJK(C) terutama di bandar-bandar dan taman-taman perumahan.

Dr. Leo Micheal Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1990 sehingga 1994 terdapat seramai 2,058,639 murid di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah kebangsaan, 579,530 orang murid di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan 104,233 orang murid di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil.

- (a) Terdapat sebanyak 5,074 buah sekolah rendah kebangsaan dan sekolah kebangsaan dan 1,288 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan 541 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil bagi tempoh yang sama.

(b) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 261 buah sekolah baru telah dan akan dibina. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, jumlah sekolah baru yang akan dibina masih dalam peringkat perancangan dan tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

(c) Untuk mengatasi masalah kesesakan murid di SRJK(C) terutamanya di bandar dan taman-taman perumahan, Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri telah bertindak mengagihkan murid-murid yang berlebihan dari sekolah-sekolah tertentu ke sekolah-sekolah yang masih kekurangan murid dalam kawasan yang sama atau berdekatan dengan alamat rumah mereka.

**TAHUN MELAWAT MALAYSIA—
JUMLAH PELANCONG**

16. Dato' Mohd. Radzibin Manan minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapa ramaikah pelawat-pelawat yang berkunjung ke Malaysia sejak Tahun Melawat Malaysia yang pertama mengikut negara asal pelawat-pelawat iaitu Eropah, Amerika, Australia, Jepun, Korea dan Hong Kong dan harap berikan bilangan dan peratusan pelawat-pelawat tersebut daripada jumlah yang melawat dalam tiap-tiap tahun berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumkan Dewan, semenjak Tahun Melawat Malaysia 1990 sehingga bulan Oktober 1994, seramai 31,502,278 orang pelancong telah melawat Malaysia. Daripada angka tersebut seramai 1,897,929 orang pelancong atau 6% adalah dari

negara Eropah, diikuti oleh seramai 1,657,916 orang pelancong atau 5.3% dari Jepun, 621,314 orang pelancong atau 1.7% dari Hong Kong, 489,592 orang pelancong atau 1.6% dari Amerika Syarikat dan 260,482 orang pelancong atau 0.8% dari Korea Selatan.

AGEN PEMBAWA MASUK PENDATANG HARAM— KERJASAMA SERANTAU

17. Tuan Saidin bin Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kerjasama serantau dalam membanteras agen-agen pembawa masuk pendatang haram bagi sesebuah negara supaya akibat-akibat buruk terhadap mereka yang tertipu tidak berlaku seperti kapal karam dan sebagainya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa meminta kerjasama kerajaan asing supaya memastikan kemasukan rakyat mereka ke negara ini sama ada untuk bekerja atau melancong dilakukan secara teratur.

KERETA PROTON— KEMAJUAN DALAM INDUSTRI PEMBUATAN

18. Tuan Limun Laikin minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh industri pembuatan kereta khususnya Proton sejak 19 tahun yang lalu dan nyatakan juga sama ada pemilik-pemilik 500,000 kereta Proton yang digunakan di Malaysia ini memberi kepuasan kepada pengguna-pengguna.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh industri pembuatan kereta khususnya Proton sejak 10 tahun yang lalu dapat dilihat dari sudut sumbangannya kepada

gunatenaga pemindahan teknologi dan aktiviti-aktiviti hiliran (downstream).

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan mengkaji lebih mendalam bahawa ada kereta Proton terpakai lebih mahal dari Proton yang baru dan adakah kerajaan menjalankan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini?

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita sedar ada berita bahawa kereta Proton terpakai adalah naik harga lebih dari yang baru tetapi masalah ini kita telah siasat dan juga usaha-usaha untuk mengatasi masalah ini telah pun di ambil kira.

HARGA BARANGAN— PENGUATKUASAAN ATAS PENURUNAN

19. Tuan Ng See Tiong minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan dan strategi yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan semua peniaga mematuhi arahan menurunkan harga barang yang kurang atau dihapuskan cukai.

27.72.94

40. Tuan M. Zeevill @ Shanmugam a/l R.M.S. Mutaya minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bahawa di dalam Belanjawan yang diumumkan baru-baru ini, terdapat banyak barang-barang keperluan diturunkan harga. Apakah pengurangan harga ini sudah dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr. Sak Cheng Lum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Zeevill Shanmugam yang dijadualkan pada 21hb Disember 1994 kerana isu adalah sama.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 2,833 jenis barangan yang terdiri daripada barangan siap, separuh siap dan bahan mentah telah diturunkan atau dihapuskan dutinya di dalam Belanjawan 1995. Kementerian telahpun mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi menentukan harga barangan terlibat dengan pengurangan atau penghapusan duti ini diturunkan sewajarnya.

Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ialah:

- (i) mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak terlibat terutamanya pengeluar dan pengimport untuk memastikan mereka menurunkan harga barangan yang terlibat dengan sewajarnya;
- (ii) menjalankan pemeriksaan di peringkat penjual runcit bagi memastikan harga barangan yang terlibat diturunkan harganya. Dalam hubungan ini, peniaga-peniaga yang didapati gagal atau enggan menurunkan harga barangan berkenaan, diberikan amaran bertulis dan diminta menurunkan harga dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat amaran tersebut dikeluarkan. Sekiranya peniaga berkenaan masih gagal atau enggan menurunkan harga barangan terlibat, tindakan-tindakan berikut akan diambil.

Antara tindakan-tindakan adalah:

- (a) tindakan keatasapajuakesalahan yang dilakukan oleh pekedai mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kementerian seperti kegagalan mematuhi penandaan harga, penggunaan alat timbang dan sukat yang tidak tepat dan sebagainya;

- (b) menyenarai-hitamkan (blacklist) peniaga berkenaan dan tidak akan meluluskan permohonan untuk mengadakan jualan murah di sepanjang tahun 1995; dan
- (c) tidak akan memperbaharui lesen barang-barang kawalan sekiranya peniaga terlibat mengurus niaga barang-barang kawalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah memberi tempoh sewajarnya untuk peniaga-peniaga terlibat membuat pengubahsuaian harga terlibat. Setakat ini sukacita dimaklumkan pada keseluruhannya peniaga-peniaga terlibat telah memberi response yang positif di mana harga barang-barang terlibat telah pun diturunkan sewajarnya. Perlu juga dinyatakan bahawa terdapat sebahagian barang-barangan yang pengurangan atau penghapusan dutinya terlalu 'marginal' yang menyebabkan penurunan harga barangan tersebut tidak dapat diselaraskan.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, dalam usaha memastikan semua peniaga menurunkan harga bagi barang-barang import yang cukai importnya telah pun diturunkan, adalah kementerian mengambil kira tentang perubahan dalam kadar pertukaran asing, Ringgit. Umpamanya, kalau nilai Ringgit jatuh, ini akan membawa kepada kenaikan dalam harga import. Adakah ini diambil kira sebelum membuat usaha untuk memastikan semua peniaga menurunkan harga mereka?

Dr. Sak Chehg Lum: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diambil kira dalam permintaan pihak kerajaan untuk para peniaga menurunkan harga ialah hanya penurunan atau penghapusan duti import sahaja.

Dato' Shahiruddin bin Ab. Moin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hari ini dalam usaha menyedarkan

pengguna, kerajaan melancarkan dan mempromosi Kedai Harga Patut, Saya hendak tanya apakah asas ataupun ayarat sehingga satu kedai itu dapat dianugerahkan Kedai Harga Patut dan berapa lamakah pihak kerajaan membuat penilaian ke arah memberikan anugerah ini kepada kedai-kedai berkenaan?

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terimakasih di atas soalan yang telah dibangkitkan berkaitan dengan aktiviti Kedai Harga Patut walaupun ini tidak bersangkutan dengan soalan asal. Tetapi secara ringkasnya, untuk memberi pengiktirafan atau anugerah Kedai Harga Patut memang beberapa kriteria telah ditetapkan. Antaranya ialah sebilangan sebanyak 150 jenis barang-barangan keperluan harian yang dijual dalam sesuatu kedai itu adalah dalam paras yang berpatutan.

Yang kedua, keselamatan dalam alam persekitaran kedai-kedai tersebut adalah baik. Layanan juga adalah baik. Bagi setiap negeri atau setiap daerah, satu Jawatankuasa Penilai akan ditubuhkan, yang akan diwakili oleh beberapa pihak, termasuk wakil daripada para pemberita, wakil daripada pihak kerajaan dan juga wakil daripada sektor swasta. Namun demikian, mereka yang dicalonkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti Kedai Harga Patut ini, senarainya dinilai oleh ahli-ahli panel ini. Selepas ahli-ahli panel ini berasa puas hati bahawa kriteria-kriteria yang telah ditetapkan ada dipenuhi, maka kedai-kedai yang telah dipilih akan diberi anugerah Kedai Harga Patut. Tempoh bagi anugerah ini adalah selama satu tahun dan selepas satu tahun akan dinilai semula.

GETAH—RUNGUTAN PEKEBUN KECIL TERHADAP PENAWARAN HARGA

20. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kerajaan telah membuat

kajian dalam menangani rungutan pekebun kecil mengenai penipuan harga getah dan apakah wawasan baru yang dicadangkan supaya penipuan dapat dielakkan dan membawa pekebun-pekebun kecil mengambil daya usaha bagi penentuan pasaran getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Penua, antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani rungutan pekebun kecil mengenai penawaran harga getah adalah dengan mengadakan sesi dialog atau ceramah kepada pekebun-pekebun kecil ataupun peniaga getah-getah. Sehingga kini, dua sesi dialog/ceramah telah dilaksanakan oleh Lembaga Pelesen dan Pemasaran Getah Malaysia (LPPGM) sebagaimana berikut:

- (a) Pada 21hb Oktober, 1994, di Rumah Rehat Jerantut, Pahang;
- (b) Pada 18hb November, 1994 di Dewan Kutien Air Tawar, Manjung, Perak.

Langkah juga telah diambil untuk menyiasat semua rungutan rasmi pekebun kecil mengenai ketidakpuasan di dalam penawaran harga getah yang disalurkan kepada LPPGM. Daripada siasatan-siasatan ini didapati proses penawaran harga getah telah dilaksanakan mengikut prosedur pelesenan yang ada sekarang.

Di samping itu, kerajaan juga telah mengarahkan LPPGM memberikan kelonggaran kepada pelesen-pelesen, termasuk wakil-wakil MARDEC selama tiga bulan mulai 11hb Ogos, 1994 untuk bebas menjual getah-getah mereka kepada kilang-kilang swasta atau kilang MARDEC di empat kawasan yang dilaporkan mengikut harga getah yang rendah. Langkah-langkah ini dilaksanakan bertujuan untuk menggalakkan persaingan di antara pelesen-pelesen dan wakil-wakil MARDEC bagi menimbuikan harga yang munasabah dan berpatutan. Kawasan-kawasan tersebut adalah sebagaimana berikut:

- (a) Perak—Manjung, Perak Tengah, Kuala Kangsar dan Hulu Perak;
- (b) Johor—Segamat, Kluang dan Yong Peng;
- (c) Negeri Sembilan—Kuala Pilah, Jelebu dan Bahau; dan
- (d) Kedah—Baling dan Jeniang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan persaingan yang sempurna di dalam penawaran harga getah agar berpatutan, kerajaan bercadang untuk terus memberikan kelonggaran syarat kepada pelesen-pelesen getah, termasuk wakil MARDEC untuk bebas membeli dan menjual getah-getah mereka. Cadangan ini nanti boleh menimbulkan persaingan yang sihat untuk memastikan penentuan harga yang berpatutan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, adakah pekebun kecil telah memanfaatkan daripada peningkatan harga getah baru-baru ini? Kalau tidak, apa sebabnya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya jelaskan, beberapa rungutan telah diterima oleh Kementerian bahawa kononnya pekebun-pekebun kecil tidak menerima harga yang munasabah, hasil daripada kenaikan harga getah. Tetapi setelah sesi dialog dan setelah kajian siasat dibuat bahawa sehingga ini boleh dikatakan harga yang sebenarnya telah pun dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil, termasuk peserta-peserta FELDA. Memang Kementerian saya mengambil berat jika ada mana-mana pihak yang mengambil peluang atas kenaikan ini tanpa dinikmati oleh pekebun kecil, maka tindakan yang tegas akan diambil oleh Kementerian saya. Ini bukan sahaja getah, termasuk juga kelapa sawit, koko dan lain-lain komoditi Malaysia. Kita mengharapkan setiap sen kenaikan itu hendaklah dinikmati oleh target group kita iaitu pekebun kecil.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masa berlakunya penipuan mengenai harga getah tadi, temulah bukan memakan masa sebulan atau dua bulan tetapi memakan masa bertahun-tahun. Akibat daripada masa yang begitu lama, berlaku ramai di kalangan pemotong-pemotong getah ataupun penoreh getah yang lari daripada kerja-kerja menoreh getah dan akibat atau kesan negatif yang kita dapati ialah ramai daripada pekebun-pekebun kecil tadi mengambil sikap untuk menjual kebun-kebun mereka. Adakah pihak Kementerian membuat satu kajian supaya kesan-kesan yang berbentuk begini tidak akan berlaku atau satu nasihat kepada pekebun-pekebun kecil kerana ada satu jalan lain, misalnya cucus pokok getah—satu daripada jalan untuk mengatasi masalah ini? Sekian.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Apa yang Kementerian saya dapat tahu bukan kerana soal harga getah. Biasanya, kebun-kebun dijual, tidak ditoreh adalah kekurangan buruh-buruh. Jadi, pada masa ini, RRI telah mengeluarkan satu sistem cucus yang saya rasa agak praktikal sebagaimana yang terdapat pelaksanaannya FELDA Jenaka 22, Pahang di mana lebih daripada 200 orang peserta telah dapat menambahkan agak sekali ganda pendapatan mereka. Maknanya 100% bertambah menerusi sistem rektorin yang kita katakan sistem cucus tadi. Jadi, walau bagaimanapun, kalau ada masalah, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tulis surat direct kepada saya dan tindakan yang tegas dan cepat mungkin akan dapat diambil. Terima kasih.

AKSESORI KERETA BARU— PENENTUAN HARGA

21. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah Kementerian memeriksa harga-harga aksesori kereta baru yang ditentukan oleh agen-agen dari masa ke semasa; dan
- (b) adakah Kementerian setuju pada harga yang ditentukan oleh agen-agen sama ada tidak melampau tinggi dan menjejaskan pengguna mencungkil kadar inflasi.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak memeriksa harga aksesori kereta-kereta baru. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan harga aksesori wajib bagi kereta-kereta baru. Aksesori wajib ini ialah pendingin udara, anti-rust, central locking, alarm system, radio cassette dan power window. Bagi aksesori selain daripada yang dinyatakan di atas, ianya adalah aksesori optional dan kadar harganya adalah ditetapkan oleh "franchise holder" masing-masing.

Negara kita mengamalkan sistem ekonomi bebas dan terbuka di mana kerajaan tidak menetapkan harga barangan. Paras harga sesuatu barangan adalah ditentukan oleh kedudukan penawaran dan permintaan. Terpulanglah kepada pengguna untuk menilai sama ada harga yang ditetapkan adalah munasabah dan berpatutan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan membuat kajian terperinci sekiranya ada aduan mengenai harga aksesori yang ditetapkan terlalu tinggi dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**TEATER SEBABAK—
PERSEMBAHAN BAGI
MASYARAKAT LUAR
KUALA LUMPUR**

22, Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah beliau sedar bahawa

telah mula timbul minat masyarakat khususnya golongan muda-mudi terhadap teater sebabak seperti yang dipentaskan di ET (Panggung Percubaan) dan di MATIC. Berapa kerapkah teater sebabak ini diadakan di ET MATIC. Adakah Kementerian bercadang membina kemudahan teater di bandar-bandar lain bagi memberi peluang kepada masyarakat di luar Kuala Lumpur menonton teater.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian merasa syukur dan berbangga bahawa usaha menggalakkan budaya berteaater telah mula menunjukkan kesan, khususnya di kalangan muda-mudi. Secara purata, Kementerian ini mementaskan enam Drama Sebabak dalam satu tahun. Ini tidak termasuk drama-drama dalam kategori-kategori yang lain. Untuk memberi peluang kepada masyarakat luar Kuala Lumpur menonton persembahan teater, Kementerian juga menganjurkan persembahan-persembahan teater seperti sewaktu penganjuran "Pekan Teater" di peringkat-peringkat zon. Di samping itu, mereka yang berjaya ataupun yang telah mengadakan persembahan dengan baik atau bermutu juga dibawa mengadakan pertunjukan-pertunjukan mereka di beberapa negeri. Di samping itu, kerajaan bercadang menubuhkan Taman Budaya Negeri di semua negeri yang bukan sahaja akan menjalankan pementasan teater, tetapi juga turut menjalankan kegiatan-kegiatan kebudayaan kesenian dan keilmuan yang lain.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sungguhpun kegiatan teater ini merupakan suatu yang baru dan nampaknya sambutan sungguh menggalakan, saya dapati salah satu daripada sebab kenapa kadangkala kurang mendapat sambutan ialah kerana kurangnya publisiti oleh pihak Kementerian, umpamanya teater yang sedang ditunjukkan di MATIC sekarang

ini, yang diarahkan oleh Syed Alwi. Kalau tidak kerana Timbalan Perdana Menteri kita turut sama, saya tidak fikir ramai yang tahu adanya pertunjukan itu di MATIC sekarang ini. Jadi, pertanyaan saya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian supaya lebih banyak lagi publisiti diberikan supaya rakyat atau muda-mudi kita tahu tentang adanya teater-teater ataupun pertunjukan-pertunjukan yang diadakan?

Dato Abdul Raman bin Suliman: Tuan, Yang di-Pertua, saya bersetuju ketiada kenyataan Yang Berhormat, bahawa publisiti adalah merupakan satu perkara yang penting. Tetapi bagi kementerian ini kita juga mahu memastikan supaya budaya ingin menonton ini haruslah dikembangkan kepada semua kumpulan, tidak kepada satu kumpulan sahaja. Maka dengan yang demikian, di samping publisiti-publisiti melalui media, kita juga mulai daripada beberapa bulan yang lalu, sewaktu pertunjukan, kita juga mengemukakan borang kepada mereka yang berminat untuk teater dan kita akan menghubungi secara langsung kepada peminat-peminat teater ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya publisiti ini juga bergantung kepada mutu atau kualiti teater itu sendiri. Oleh sebab yang demikianlah, maka kita harus memastikan bahawa mutu persembahan itu baik, insya Allah, sekiranya mutu teater itu baik, maka secara langsung peminat-peminat juga akan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 dan 23 hingga 47 adalah dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

334 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Bismillahir-Rahimanir-Rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibaca kali yang kedua sekarang.

Belanjawan 1995 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 28 Oktober, 1994 mengandungi prakarsa untuk menjamin kemampanan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan tekanan inflasi, membangunkan sumber daya manusia yang berketerampilan.

Belanjawan tersebut mencerminkan falsafah pembangunan negara yang diasaskan pada pertumbuhan ekonomi sebagai wasilah untuk pembangunan insan seutuhnya dan pengwujudan masyarakat adil dan progresif.

Kita meneruskan kebijakan fizikal yang mengutamakan perbelanjaan awam yang berhemat dan pendekatan percukaian dan merangsang pertumbuhan sektor swasta.

Untuk ketiga kalinya kita mencadangkan Belanjawan berimbang, justeru ianya menjadi strategi penting untuk membanteras inflasi. Belanjawan 1995 mencadangkan perbelanjaan sebanyak RM48.798 bilion sementara hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun tersebut ialah RM47.541 bilion. Dengan mengambil kira terimaan balik pinjaman berjumlah RM1.2 bilion, baki keseluruhan kedudukan kewangan Persekutuan dijangka mencatatkan lebihan.

Penekanan Belanjawan 1995 adalah untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh melalui pembangunan sumber daya manusia dan prasarana, meningkatkan upaya negara dalam penyelidikan dan pembangunan (P&P) di samping menyediakan perumahan untuk rakyat dan membasmi kemiskinan.

Saya telah mencadangkan supaya pendidikan dan latihan diberikan peruntukan yang terbesar iaitu sebanyak RM10.03 bilion atau 20.6% daripada peruntukan tahun 1995. Saya juga telah mencadangkan beberapa galakan cukai untuk mendorong sektor swasta meningkatkan penglibatannya dalam program latihan teknikal dan vokasional serta memperkenalkan automasi bagi mengatasi masalah tenaga kerja yang meruncing.

Belanjawan sebenarnya tertumpu untuk memberi keselesaan kepada rakyat, untuk membolehkan rakyat menikmati harga lebih murah, maka saya telah mencadangkan penghapusan dan pengurangan duti import ke atas lebih dari 2,600 jenis barangan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah diberi taklimat oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja mengenai barangan yang sepatutnya diturunkan harga berikutan penurunan cukai atau pemansuhan dutinya.

Sebagai menghargai sumbangan pegawai dan kakitangan awam, kita telah mencadangkan imbuhan kepada mereka dan ianya telah pun dibayar. Kerajaan juga telah meluaskan liputan imbuhan kepada semua kategori perkhidmatan awam termasuk guru sandaran dan kakitangan sambilan.

Saya telah mencadangkan peruntukan yang besar bagi pembangunan prasarana dengan keutamaan diberi untuk mengatasi kesesakan lalulintas termasuk di Kuala Lumpur sekarang ini dan mewujudkan

satu rangkaian jalan yang moden dan cekap bagi seluruh negara. Peruntukan ini adalah sebagai tambahan kepada prasarana yang telah diswastakan.

Komitmen kita untuk membasmi kemiskinan tidak pernah luntur. Untuk membasmi kemiskinan desa dan memperbaiki taraf keselesaan hidup, sejumlah RM9.2 bilion adalah diperuntukan bagi projek di wilayah dan kawasan desa. Daripada jumlah tersebut, RM1.232 bilion adalah untuk projek pertanian, subsidi padi dan membiayai pertumbuhan ekonomi desa, RM300 juta untuk kemudahan kesihatan luar bandar, RM119 juta untuk bekalan air dan RM179.6 juta untuk bekalan elektrik.

Untuk program pembangunan di bawah Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah, peruntukan sejumlah RM515.3 juta disediakan. Maka meleset sekali lagi lah tohmahan sebahagian dari kalangan pembangkang dalam Dewan, lebih-lebih lagi di luar Dewan yang menyatakan bahawa peruntukan itu telah mengeneipkan sama sekali kepentingan rakyat desa, sama ada mereka ini termasuk dalam golongan jahil atau buta kenyataan.

Bagi mengatasi masalah perumahan golongan rakyat yang termiskin, saya telah meningkatkan tabung untuk pembinaan rumah kos rendah kepada RM2.6 bilion. Peruntukan ini berasingan daripada peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Belanjawan 1995. Kerajaan insaf bahawa caruman KWSP yang menjadi isu yang diminati oleh ramai sekarang ini merupakan sumber pembiayaan yang penting kepada rakyat untuk membeli rumah. Pelbagai cadangan telah dikemukakan agar KWSP lebih bersifat luwes (flexible) dalam skim pembiayaan perumahan.

Sukacita saya maklumkan bahawa saya telah bersetuju dengan skim pengeluaran baru KWSP bagi tujuan perumahan yang dicadangkan oleh pihak Lembaga KWSP.

Skim perumahan KWSP yang diubahsuai dan diperluaskan adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah pengeluaran maksimum yang dibenarkan dinaikkan kepada 30% daripada jumlah keseluruhan caruman ahli.
- (ii) Ahli yang telah mengeluarkan simpanan di bawah skim perumahan boleh mengeluarkan simpanan untuk mengurangkan pinjaman perumahan. Kemudahan ini diberi tanpa mengambil kira sama ada pinjaman perumahan yang hendak dikurangkan itu adalah rumah yang dibeli dengan menggunakan caruman KWSP atau rumah lain. Bukan isteri lain (*Ketawa*)
- (iii) Kekerapan pengeluaran untuk mengurangkan baki pinjaman perumahan tidak dihadkan. Walau bagaimanapun, tempoh masa di antara pengeluaran termasuk pengeluaran perumahan adalah sekurang-kurangnya lima tahun sehingga ahli mencapai umur 55 tahun.

Bagi meringankan beban golongan yang berpendapatan rendah, kadar rebat pembayar cukai telah ditingkatkan daripada RM90 kepada RM1 10 bagi diri dan daripada RM50 kepada RM60 bagi isteri. Golongan yang mempunyai pendapatan kena cukai sehingga RM2.500 adalah dibebaskan daripada membayar cukai kerana kadar 2% yang sedia ada telah dimansuhkan. Bagi kumpulan pembayar cukai yang lain, kadar cukai diturunkan di antara dua dan tiga mata peratus. Kadar maksimum cukai pendapatan perseorangan juga telah diturunkan daripada 34% kepada 32%. Had pelepasan cukai kepada lima orang anak turut dihapuskan.

Di samping keselesaan rakyat, kerajaan juga memberikan perhatian yang amat penting kepada perkembangan agama Islam dan di antara program yang

terpenting ialah program Al-Quran dan Pardu Ain (KAFA)—Menteri Pembangunan Luar Bandar membangkitkan. Walaupun program KAFA telah berjalan hampir empat tahun, berbagai perkara dasar masih belum diputuskan terutama persoalan imbuhan kepada guru-guru. KAFA yang kebanyakannya di negeri Kelantan.

Sebagai tindakan sementara, perbendaharaan telah meluluskan peruntukan tambahan RM20 juta untuk membayar elaun tertunggak guru KAFA serta kenaikan elaun dan elaun-elaun seterusnya sehingga keputusan muktamad dibuat oleh Jemaah Menteri. Sebagai latar belakang, saya ingin menjelaskan bahawa persefahaman awal ialah sebahagian peruntukan disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan sebahagian lainnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kebanyakan guru-guru KAFA ini di Kelantan kerana keperluan di negeri tersebut dan juga permintaan rakyat Kelantan. Malangnya, setelah dijalankan, seperti biasa soal agama ini banyak dilaungkan oleh orang lain. Bila datang soal "fulus", yang meluluskan hanya Kerajaan Persekutuan. (*Tepuk*) Tetapi kita tidak mahulah masalah politik yang membabitkan pendapat di antara pemimpin-pemimpin politik dari kalangan parti menjejaskan kepentingan program KAFA dan juga nasib guru-guru agama yang telah pun menyumbangkan khidmat bakti mereka. Oleh itu Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan, sehingga semua perkara ini dibereskan secara muktamad, kita keluarkan dahulu peruntukan membiayai guru-guru agama ini. Mudah-mudahan agama ini faham dan memberi kerjasama yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta akan terus menjadi jentera pertumbuhan dan untuk itu kita mencadangkan penubuhan Tabung Pelaburan Domestik yang berjumlah RMI bilion untuk memberikan sumberkekuatan baru kepada pelaburan tempaian terutamanya dalam industri kecil dan sederhana (IKS). Untuk

mempercepatkan lagi pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, sejumlah RM679 juta telah juga diperuntukkan untuk pelaksanaan program vendor, payung, perancang, skim modal teroka, skim inkubator dan skim kilang bimbingan. Antara langkah percukaian yang penting untuk merangsang sektor swasta ialah pengurangan cukai pendapatan syarikat sebanyak dua mata peratus dan pengecualian cukai sepenuhnya terhadap semua jenis pendapatan yang diremit balik dari luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia. Kebijakan dasar ini ialah untuk menggalakkan syarikat-syarikat yang beroleh keuntungan dari pelaburan luar negeri membawapulang keuntungan ke Malaysia.

Sebagai sokongan kepada gerakan koperasi, saya telah mencadangkan kadar cukai maksimum bagi koperasi diturunkan daripada 34% kepada 32% pendapatan yang kena cukai melebihi RM500.000. Bagi pendapatan kena cukai yang kurang daripada jumlah tersebut, kadar cukai dikurangkan di antara satu dan dua mata peratus. Potongan khas bagi maksud cukai pendapatan kepada koperasi pula ditingkatkan daripada 6% kepada 8%. Perkara ini telah membangkitkan banyak persoalan sebelum ini kerana dari segi angka mata peratus nampaknya pemotongan koperasi itu kurang daripada pemotongan untuk sektor badan korporat.

Saya ingin menjelaskan bahawa effective rate, pemotongan yang sebenar itu jauh lebih kurang bagi gerakan koperasi. Jadi, jangan dinilai dari angka mata peratus sahaja kerana pemotongan cukai bagi gerakan koperasi itu jauh lebih rendah daripada syarikat-syarikat lain.

Bagi menggalakkan cabangan melalui insurans, saya mencadangkan antara lain, pendapatan daripada pelaburan Tabung Insurans Nyawa dan Tafakul dikenakan cukai pada kadar 8% dan bukan mengikut kadar cukai syarikat. Ini menggalakkan industri insurans dan takaful.

Imbangan pembayaran negara terus kukuh. Kedudukan keseluruhannya terus mencatatkan lebih sebanyak RM5.3 bilion. Kekuatan imbangan pembayaran sesebuah negara seharusnya dilihat dari segi imbangan asas atau basic balance, dengan izin.

Bersama-sama dengan kemasukan pelaburan asing yang baru serta modal rasmi jangka panjang, imbangan asas kita terus kukuh, mencatatkan lebih yang terus meningkat sebanyak RM9.3 bilion dalam tahun 1994 berbanding dengan RM8.1 bilion tahun 1993. Bagaimanapun, dari akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM11.7 bilion pada tahun 1994 pada tahun 1994 aiau 6.8% dari KNK.

Menyedari peningkatan defisit dalam akaun perkhidmatan.- Jawatankuasa Kabinet mengenai Sektor Khidmat Dagang yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengenal pasti beberapa permasalahan pokok dalam sektor perkapalan, pelabuhan, pelancongan, pendidikan, pendapatan pelaburan dan insurans dan langkah-langkah untuk mengatasinya telah pun dikenal pasti dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi dan kementerian yang berkaitan. Antara langkah yang dicadangkan untuk menangani defisit akaun perkhidmatan ialah menaikkan jumlah tabung perkapalan daripada RM800 juta kepada RM bilion iaitu:

- (i) RM600 juta untuk Kemudahan Pembiayaan Perkapalan (Shipping Finance Facility); dan
- (ii) RM500 juta untuk Kemudahan Perkapalan Usaha Niaga (Shipping Venture Facility).

Skop Kemudahan Pembiayaan Perkapalan (Shipping Finance Facility) telah diperluaskan dari hanya untuk membiayai pembelian kapal baru dan terpakai kepada pembiayaan pembinaan untuk membina kapal dan memperbaiki kapal.

Kegiatan untuk meningkatkan keupayaan memperbaiki dan membina kapal dalam negeri bertujuan memastikan pengaliran keluaran wang asing dapat dikurangkan. Di bawah Shipping Venture Facility, sebanyak RM500 juta telah diperuntukan, iaitu RM200 juta dari Bank Industri Malaysia Bhd. manakala bakinya daripada institusi kewangan swasta. Global Maritime Venture Bhd. (GMVB) telah ditubuhkan di bawah Shipping Venture Facility. Setakat ini GMVB telah pun ada usaha sama dengan beberapa syarikat antarabangsa untuk memperolehi serta mengurus kapal.

Usahasama ini akan memberi manfaat kepada negara seperti berikut:

- (i) meningkat kapasiti perkapalan Malaysia khususnya dalam sektor pengangkutan pukal (bulk carriers) dan pengangkutan tanker;
- (ii) menggalakkan pemindahan teknologi dan kemahiran dalam pengurusan perkapalan di kalangan rakyat Malaysia;
- (iii) mengurangkan pengaliran keluar pertukaran wang asing dengan menggunakan kapal Malaysia untuk mengangkut barangan import dan eksport Malaysia; dan
- (iv) meningkatkan perolehan pertukaran wang asing melalui kegiatan cross trading yang akan dipelopori oleh GMVB.

Tuan Yang di-Pertua, dengan strategi dan prakarsa Belanjawan 1995 yang diperkenalkan serta prospek pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian yang lebih baik, saya yakin, insya Allah ekonomi Malaysia akan terus berkembang pada kadar 8.5% dalam tahun 1995. Perkembangan ini didorong oleh sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan yang akan dapat manfaat dari pengurangan cukai dan liberalisasi. Maklumat terbaru yang baru diumumkan menunjukkan keluaran sebenar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk suku tahun

ketiga berkembang pada kadar 8.9% berbanding dengan 8.3% pada suku tahun sebelum ini. Pertumbuhan yang kukuh adalah didorong oleh pertumbuhan kuat sektor pembuatan dan pembinaan. Kadar inflasi pula berkurangan kepada 32% berbanding dengan 3.5% pada suku tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang.

Saya ingat elok saya bercakap sepatah dua kata, kerana dari ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, saya rasa banyak butir-butir yang diutarakan. Dalam catatan saya sekurang-kurangnya 20 butir semua sekali. Semoga untuk kebaikan kita bersama berdasarkan senarai mereka yang akan berbahas kalau boleh kita perbahaskan dengan meliputi butir-butir yang diperkatakan sebentar tadi. Jadi, saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Rahim Baba untuk membahas. Terima kasih.

3.54 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan pada 28hb Oktober 1994 yang lalu di Dewan Rakyat dan juga pada hari ini di Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum meneruskan perbincangan ini, sebagai insan yang tahu berterima kasih, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO dan juga selaku Perdana Menteri yang telah pun melantik semula saya sebagai Ahli Dewan Negara bagi tempoh tiga tahun lagi. (*Tepuk*) Sesungguhnya saya menerima perlantikan ini dengan penuh kesyukuran dan juga keinsafan dan berjanji akan memberikan sumbangan demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan terimakasih kepada kedua ibubapa, kepada isteri-isteri, anak-anak dan rakan-rakan yang telah pun mendoakan perlantikini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada rakan-rakan lain yang telah pun dilantik semula mahu pun yang telah pun baru dilantik. Tahniah khas saya tujukan kepada Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang telah pun diberikan amanah untuk mengetuai Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu butir pertama perbincangan agaknya.

Tuan Rahim bin Baba: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti secara mendalam Belanjawan 1995 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan saya juga telah pun meneliti setiap Belanjawan negara sejak beberapa tahun yang lalu. Saya berani katakan di sini

bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan yang terbaik dari yang terbaik, dan dibentangkan pula oleh seorang Menteri Kewangan yang terbaik di antara Menteri Kewangan yang terbaik di negara ini. Sebagai seorang rakan perjuangan tatkala menuntut di Universiti Malaya dahulu, saya sungguh berbangga di atas kepekaan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita.

Sebenarnya tiada perubahan di antara saudara Anwar Ibrahim di tahun-tahun 70-an yang pernah melaungkan masalah kemiskinan rakyat di Baling dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di tahun-tahun 90-an yang juga terus menjadi seorang pejuang kemiskinan. Dan juga tiada perbezaan di antara saudara Anwar Ibrahim sebagai pemimpin pelajar, pemimpin pertubuhan belia, dan juga pemimpin ABIM di tahun-tahun 70-an dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri, sebagai Timbalan Presiden UMNO dan juga sebagai Menteri Kewangan di tahun-tahun 90-an ini. Kalau ada pun bezanya hanyalah dari segi pendekatan. Tetapi dari segi matlamat ianya tetap sama.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang telah pun dibentangkan melibatkan semua pihak dari penoreh getah, petani, nelayan, golongan cacat, peniaga, golongan korporat, pemborong, pegawai kerajaan, angkatan tentera, menteri dan juga golongan istana. semuanya merasai nikmat dari Belanjawan ini. Tidak kira di mana rakyat itu berasal, baik di kawasan yang terhulu ataupun di dalam bandar, mereka tetap menerima nikmat dari Belanjawan ini. Tetapi walau bagaimana baik sekali pun suatu Belanjawan itu, ianya tentu boleh diperbaiki lagi. Saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim tentunya mempunyai pendirian terbuka terhadap pandangan-pandangan dan juga kritikan-kritikan dari kita semua. Jika ada pandangan dan kritikan yang saya berikan, ianya adalah

dengan niat yang ikhlas, demi kebaikan negara dan juga rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya berbangga dengan kejayaan negara yang telah pun mencatatkan kenaikan kadar pertumbuhan berterusan 8% sejak tujuh tahun yang lalu. Kita berbangga dengan pendapatan perkapita RM8,856 setahun, kadar pengangguran yang rendah ataupun boleh dikatakan tiada pengangguran dan kadar kemiskinan yang berkurangan kepada 8.8% pada tahun 1994 berbanding dengan 20.7% pada tahun 1985..

Tuan Yang di-Pertua, tetapi seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhonnat Menteri Kewangan, kejayaan negara kita tidak boleh diukur semata-mata dengan angka tunjuk. Tidak guna kita mencapai pertumbuhan ekonomi 8% setahun dan perkapita melebihi RM8,000 setahun jika tidak terdapat pemerataan terhadap pembahagian kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya agak rasa serba salah juga untuk menimbulkan soal ini tetapi demi kebaikan negara pada masa hadapan, saya fikir tidaklah menjadi kesalahan kalau saya cadangkan kepada kerajaan supaya agenda pengagihan kekayaan negara hendaklah menjadi agenda utama kerajaan.

Saya tidak menyarankan agar kekayaan negara dibahagi sama rata. Tetapi saya cadangkan agar kekayaan negara ini dibahagikan secara saksama, dengan izin, 'being fair not necessarily being equal'.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam tahun-tahun 1960-an kita melihat ketidakadilan ataupun kita mempersoalkan pengagihan di antara orang Melayu dengan yang bukan Melayu. Dan akhirnya tercetusnya peristiwa yang susah hendak kita lupakan iaitu pada tahun 1969. Dan selepas itu Dasar Ekonomi Baru telah pun dilancarkan. Dan jurang perbezaan di antara Melayu dan bukan Melayu telah

pun dapat dikurangkan meski pun belum dapat dihapuskan sepenuhnya. Pengalangan kaum dengan jenis pekerjaan telah juga dapat dikurangkan. Orang Melayu tidak lagi dikaitkan dengan pertanian, orang kampung ataupun pegawai kerajaan. Orang Cina juga tidak lagi dikaitkan semata-mata dengan orang bandar ataupun ahli perniagaan. Dan orang India tidak dikaitkan sebagai pekerja estet ataupun pekerja ladang. Ini satu kejayaan besar Dasar Ekonomi Baru meski pun banyak cabaran dan ranjau yang terpaksa dilalui oleh kerajaan. Pada tahun-tahun 70-an dan juga 80-an, kerajaan telah pun mengambil langkah untuk mengatasi kepincangan mengenai pengagihan di antara orang Melayu dan juga bukan Melayu. Dan ini seperti mana yang telah pun saya katakan tadi telah pun hampir-hampir berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita berjaya mengatasi masalah pengagihan kekayaan antara Melayu dengan bukan Melayu, saya berharap juga jangan pula disatu hari kelak iaitu diabad ke-21 semasa kita menuju ke Wawasan 2020, kita terpaksa pula berhadapan dengan satu lagi musuh iaitu jurang di antara orang Melayu dengan orang Melayu sendiri iaitu 'intra Malay disparity'. Jangan pula kita berhadapan dengan jurang antara segelintir keluarga Melayu yang kaya-raya dengan sebahagian besar petani, peneroka dan juga nelayan-nelayan di luar bandar yang masih lagi ditahap kemiskinan. Terus terang saya katakan jika tidak kita awasi, jika tidak kita banteras dari sekarang, kita akan menghadapi bahaya yang lebih besar di masa hadapan. Inilah kanser sosial yang akan kita hadapan di tahun-tahun 2020 jika tidak kita beringat daripada sekarang. Ini ingatan ikhlas saya kepada kerajaan dan saya berharap pihak kerajaan dapat menerimanya dengan penuh perasaan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah pun saya katakan tadi, walaupun

tidak mungkin kekayaan negara diagih secara sama rata biarlah ianya diagih secara saksama dan juga bijaksana. Pembahagian kekayaan bukan hanya perlu adil tetapi ianya perlulah dilihat dan juga dirasai adil oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kini telah pun mula kedengaran suara-suara sumbang terhadap pembahagian-pembahagian kekayaan negara khasnya pembahagian-pembahagian saham-saham umpamanya yang dikhaskan untuk bumiputera. Telah pula ada kedengaran orang Melayu yang mempersoalkan mengapa sipolan-sipolan itu diberikan peruntukan khas bumiputera? Apakah mereka ini lebih bumiputera dari bumiputera yang lain? Telah juga kedengaran suara-suara sumbang yang mempersoalkan mengapa segelintir korporat Melayu sahaja yang membolot projek-projek penswastan kerajaan. Telah juga dipersoalkan mengapa hanya dengan sekelip mata sahaja seorang ahli politik ataupun mereka yang rapat dengan tokoh-tokoh politik telah pun jadi 'instant millionaire'.

Tuan Yang di-Pertua, - saya menimbulkan soal ini dengan perasaan tulus ikhlas dan saya percaya pihak kerajaan juga akan dapat menerimanya dengan perasaan tulus ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu memang kaya dengan semangat kerjasama, semangat *berkongsim*, semangat bergotong-royong dan juga kaya dengan peribahasa 'ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni' dan juga 'ke laut sama direnangi'. 'Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah'. Orang Melayu tidak marah jika seseorang itu kaya ataupun senang lenang, tetapi jangan sekali-kali kita menunjuk-nunjuk. Jangan sekali-kali kita membina benteng pemisah baik dari segi fizikal ataupun dari segi pemikiran di antara yang kaya dengan yang miskin, di antara Melayu bandar dengan Melayu kampung dan di antara Melayu korporat dengan Melayu keparat.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan sebenar orang Melayu paling susah untuk dikesan. Belum ada alat yang tercipta untuk mengesan perasaan sebenar orang-orang Melayu. Orang Melayu tidak suka menyakiti hati orang lain. Orang Melayu agak susah untuk berterus terang. Kalau datang ke rumah orang lain, kalau ditanya sudah makan ataupun belum umpamanya, meski pun belum dan perut lapar paling hampir jawapannya ialah: "Tak payahlah bersusah-susah." Tetapi apabila dihidang ke semua jamuan habis dimakan, walaupun tidak sedap tetapi demi menjaga hati tuan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu merupakan bangsa yang paling sabar dan paling mudah dijaga dan juga diperintah. Orang pernah berkata di negara kita ini, kalau orang Cina jaga perutnya/poketnya. Kalau orang India jaga kepalanya—jangan dia mabuk. Dari orang Melayu jaga hatinya, jangan sekali-kali kita biarkan hati orang Melayu tersinggung padahnya amat dahsyat! Itulah sebabnya terdapat satu tindak laku orang Melayu yang dipanggil 'amuk' yang tidak terdapat terjemahan dalam bahasa-bahasa lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa lahap kegelisahan perkara-perkara yang telah saya timbulkan tadi masih di peringkat yang paling minimum sekali. Tetapi walaupun di peringkat yang paling minimum, ianya tidaklah salah jika dari sekarang kita mengambil ingatan dan juga menangani masalah ini. Saya percaya ramai yang akan mempertikaikan ucapan saya ini, ramai yang akan berpendapat dan juga membuat penafsiran masing-masing. Tetapi bagi saya yang mustahaknya bukan pertikaian ataupun tafsiran mana-mana pihak tetapi bagi saya yang lebih mustahak ialah saya telah bercakap demi masa depan bangsa Melayu dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, izinkan saya menyentuh pula soal bahasa. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun menyedari betapa

pentingnya rakyat negara ini menguasai bahasa-bahasa asing selain dari Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa perpaduan. Sebarang langkah untuk mendedahkan rakyat khasnya generasi muda dan juga pelajar kepada bahasa asing, khasnya bahasa antarabangsa secara kebetulan sekarang ini bahasa Inggeris amatlah dialu-alukan asalkan kedudukan dan juga kedaulatan Bahasa Melayu tidak tergugat malah dipertingkatkan lagi martabatnya. Mungkin ramai pihak yang mempersoalkan hasrat kerajaan yang memberi penekanan terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa internasional yang perlu dipelajari. Penekanan terhadap bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain hendaklah dilihat dari sudut ilmu dan bukan dari sudut emosi.

Saya tidak fikir semangat kebangsaan seseorang itu akan luntur apabila dia boleh menguasai bahasa lain. Semangat kebangsaan tidak boleh diukur sernatamata berpandukan kepada pertuturan seseorang itu ataupun bilangan bahasa yang boleh dikuasai. Apa yang menyedihkan ialah apabila kerajaan cuba menekankan kepentingan bahasa Inggeris, ada pihak-pihak yang secara emotional menentangnya dengan menyatakan yang kerajaan cuba mengabaikan Bahasa Melayu. Jika ada niat kerajaan berbuat demikian, sayalah orang yang pertama sekali menentangnya dan saya percaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri sebagai bekas pejuang Bahasa Melayu di tahun-tahun 70-an akan menjadi 'panglima' untuk menentang hasrat ini.

Tetapi saya percaya walau apapun penekanan yang diberikan terhadap bahasa Inggeris, kedudukan Bahasa Melayu tetap unggul dan juga terpelihara. Rakyat mesti diperjelaskan soal bahasa ini. Bahasa Melayu mestilah dilihat sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa penyatuan dan bahasa Inggeris dilihat dari segi hubungan antarabangsa dan juga hubungan perdagangan. Jangan sekali-kali kita

kelirukan rakyat jelata khasnya anak orang-orang kampung, kita laung-laungkan Bahasa Melayu dan kita perhinakan Bahasa Inggeris dan pada masa yang sama kita sendiri menghantar anak-anak kita mengambil tuition khas bahasa Inggeris dan malah ada setengah-setengahnya dah pada peringkat Tadika lagi anak-anak telah pun dihantar ke London ataupun ke International School sekarang demi untuk mendapatkan didikan melalui bahasa Inggeris. Kita jangan terlalu menjadi hipokrit dalam soal ini kerana kalau kita menjadi hipokrit, yang menjadi mangsanya ialah anak-anak, mereka yang berasal daripada kampung.

Jangan kita menjadi seperti sesetengah pejuang sekolah aliran Cina yang sanggup meniupkan semangat perkauman dan juga bermati-matian mempertahankan sekolah Cina tetapi tidak seorang pun anak-anak mereka di hantar ke sekolah Cina seperti yang diperjuangkan itu. Kita jangan jadi hipokrit. Kerajaan mestilah berani melaksanakan sesuatu dasar, asalkan ianya mendatangkan manfaat kepada rakyat. Persoalannya sekarang ialah apakah kita mempunyai guru-guru yang mencukupi, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar. Apakah kerajaan mempunyai perancangan-perancangan yang tersusun, baik dari segi jangka panjang dan juga jangka masa pendek untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh, seperti mana yang telah pun disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tadi ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Seperti mana Yang Amat Berhormat telah pun mencadangkan supaya pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini lebih 'luwes'-tidak pernah saya dengar, ini pertama kali yang kita dengar, ataupun 'flexible'. Saya mengucapkan tahniah di atas kelonggaran pengeluaran wang dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah pun disarankan. Baru-baru ini ada cadangan supaya sebahagian daripada wang dari Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja tadi dikeluarkan untuk disalurkan kepada saham amanah. Ada cadangan sebarang simpanan yang melebihi daripada RM200,000, lebih itu disalurkan kepada tabung simpanan amanah.

Saya percaya cadangan ini boleh diperbaiki. Kalau kita menerima cadangan ini bermakna mereka yang terdiri daripada yang berpendapatan tinggi sahaja yang akan berpeluang menyalurkan sebahagian daripada simpanan mereka ke tabung-tabung amanah. Saya ingin mencadangkan supaya sekurang-kurangnya 10% daripada simpanan penyimpan-penyimpan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja disalurkan kepada skim-skim amanah saham, seperti Amanah Saham Bumiputera dan juga amanah-amanah saham negeri. Kalau ini dilakukan, saya percaya dana simpanan ataupun dana amanah saham yang sekarang berjumlah RM35.1 bilion akan dapat ditingkatkan RM8 bilion pada masa ini terdapat RM80 bilion wang yang tersimpan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan keuntungan daripada dana ini bolehlah disalurkan kepada penyimpan-penyimpan, kalau biasanya mereka hanya diberikan 8.5% pulangan, diharapkan melalui penyaluran 10% daripada simpanan ini kepada amanah-amanah saham, mereka juga akan dapat turut sama menikmati pulangan 13% ataupun 14% seperti mana yang telah diberikan oleh Amanah Saham Bumiputera baru-baru ini.

Satu perkara yang saya harapkan mengenai pengeluaran perumahan sampai ke tahap 30% dan juga mengizinkan pembelian rurnah kedua, ianya janganlah pula diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu untuk menaikkan harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang ingin saya sentuh ialah sektor pelancongan. Di dalam Ucapan Belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ini, RM348 juta telah pun diuntukkan bagi membangunkan industri pelancongan. Menyentuh soal pelancongan ini, scgala-galanya kita mula

mengambil berat soal pelancongan ini bermula pada tahun 1990. Pada masa itu terdapat lebih kurang 45,000 bilik-bilik hotel di negara kita dan hari ini kerana adanya pendekatan, sasaran dan galakan-galakan yang telah pun diberikan oleh kerajaan, adalah dianggarkan pada tahun 1995 hampir-hampir 100,000 bilik-bilik hotel akan terdapat di negara kita ini.

Persoalannya sekarang, apa yang membimbangkan ialah kalau pada tahun 1990 dengan 45,000 bilik hotel dan dengan tourist seramai 7.4 juta, occupancy rate hotel-hotel di negara kita ialah 72.1%. Pada tahun 1995 kelak, bilik-bilik hotel telah pun bertambah kepada 100,000 dan untuk mendapatkan 'occupancy rate' sebanyak 72% ini, usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya sekurang-kurangnya 15 milion (15 juta) pelancong hendaklah datang ke negara kita ini. Kalau tidak, masalah besar akan dihadapi oleh pengusaha-pengusaha hotel. Pihak swasta telah pun melaksanakan tugas mereka dengan membina hotel-hotel, dan sekarang ini terpulanglah pula kepada pihak kerajaan, khasnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, untuk melaksanakan usaha-usaha bagi memastikan lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke negara kita dan bagi memastikan hotel-hotel yang telah pun dibina ini tidak menjadi seperti di sesetengah negara, bilik-bilik hotel ini terpaksa ditukarkan menjadi pejabat-pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menarik pelancong ini, saya percaya kita selalu pergi melancong. Biasanya sebagai seorang pelancong, kita melihat kepada konsep 3S-iaitu sight-seeing, shopping dan juga security. Kalau kita perhatikan daripada sight-seeing, saya berharap pihak kerajaan akan mengadakan lebih banyak lagi produk-produk pelancongan di negara ini. Tetapi apa yang saya lihat dari segi shopping, khasnya, saya yang duduk di Kuala Lumpur ini, kalau kita lihat, dahulu ada ura-ura hendak menjadikan Jalan

Sultan Ismail daripada Wisma Sime Darby hingga ke Hotel Park Royal. hendak dijadikan satu shopping street, ini satu cadangan yang sungguh-sungguh baik, tetapi ianya telah pun tergendala, oleh kerana tiadanya mereka yang betul-betul berani untuk melaksanakan projek ini. Kalau kita lihat dan pergi ke Singapura, saya mengambil contoh Singapura bukanlah kerana Singapura yang terbaik, tetapi Singapura merupakan tempat yang terdekat dan mudah kita pergi. Kalau kita tengok Orchard Road di Singapura, cara bagaimana Kerajaan Singapura Transform Orchard menjadi shopping Mall, dengan kedai, hotel, pejabat, selepas itu dengan kiosknnya, dengan tempat-tempat yang boleh pelancong berjalan dari satu bangunan ke satu bangunan.

Tetapi di Kuala Lumpur ini kita lihat, kalau kita berjalan daripada Jalan Sultan Ismail ke Wisma Sime Darby, kita akan bertemu dengan petrol station, antara bangunan ke bangunan yang satu itu ada ruang-ruang yang lebar. Saya tahu, dari segi planning, ini mungkin dari segi masalah perancangan kerana kalau seseorang itu hendak membuat bangunan diamesti beri 'space', dengan izin, ruang antara 20 kaki dengan sempadan kepada bangunan yang lagi satu. Jadi, yang seorang ini pun terpaksa bagi 20 kaki, jadi, 40 kaki akan menjadi kawasan-kawasan yang teruang. Jadi, tidak ada continuity, tiada berterusan jalan di kebanyakan bangunan-bangunan, khususnya di Kuala Lumpur ini.

Saya percaya Jalan Sultan Ismail boleh dijadikan sebagai satu shopping street atau pun jalan pelancongan untuk mereka yang ingin mendapatkan 'shopping' dari segi high class.

Jalan ini pula bersambungan dengan Jalan Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman, yang sudah ada infrastruktur. Saya percaya kalau mereka yang duduk di Kuala Lumpur telah pun tahu bahawa Jalan Tuanku Abdul Rahman telah pun ada, telah pun sedia infrastruktur yang

sebegitu baik, yang dijadikan sebagai satu shopping street bagi mereka berpendapatan pertengahan dan juga berpendapatan rendah. Jalan Bukit Bintang memang telah pun terkenal sebagai jalan yang boleh dijadikan sebagai entertainment street, Jalan yang boleh untuk mereka yang memerlukan hiburan-hiburan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap satu jawatankuasa induk ditubuhkan di Kuala Lumpur ini untuk memastikan Jalan Sultan Ismail, Jalan Bukit Bintang dan juga Jalan Chow Kit dan Jalan Tuanku Abdul Rahman ini dijadikan satu jalan yang bersambung di antara satu dengan lain, yang boleh menyebabkan tourist kita boleh berjalan dari satu tempat ke satu tempat. Apa yang berlaku sekarang ini, sepertimana yang telah pun saya katakan tadi, tidak ada continuity di antara satu bangunan dengan bangunan yang lain. Kita berharap satu jawatankuasa bertindak kerana saya tahu perkara ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Kita berharap supaya Perdana Menteri pun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengetuai satu jawatankuasa untuk memastikan ketiga-tiga jalan ini boleh dijadikan sebagai jalan-jalan yang selesai di dalam Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini-pejabat-pejabat pelancongan. Saya telah membaca ataupun melihat risalah yang dikeluarkan oleh pihak TDC iaitu *Tourism News*. Saya dapati pejabat-pejabat pelancongan yang memberikan khidmat kepada pelancong-pelancong kita, kalau di Kuala Lumpur ini terdapat tiga. Satu Tingkat di Tingkat 17 Menara Dato' Onn, satu di Bangunan MATIC, satu di bangunan di Jalan Parlimen.

Saya dapati kawasan ini tidak sesuai sebenarnya kalau ada pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Sebaik-baiknya pejabat-pejabat pelancongan ini biarlah diadakan

di kawasan-kawasan shopping complek, kawasan-kawasan yang sentiasa dilalui dan dihubungi oleh pelancong-pelancong. Saya tidak fikir ada pelancong yang khas hendak pergi, hendak mengetahui mengenai negara Malaysia ini yang akan pergi ke Tingkat 17, Menara Dato' Onn ataupun yang hendak pergi ke MTIC di Jalan Ampang. Sudahlah jalan dia penuh dengan debu, untuk mengetahui negara kita. Biarlah ada pejabat-pejabat pelancongan di tempat-tempat yang selalu dilalui oleh pelancong seperti di shopping complex seperti di terminal-terminal bas. Sekarang ini saya akui telah pun ada di terminal railway station dan kita berharap supaya pihak Kememerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambil ingatan tentang perkara ini.

Satu tagi perkara yang saya lihat ialah usaha-usaha kerajaan untuk menarik pelancong ini ialah cadangan untuk mengadakan shopping carnival 1994, yang boleh dikatakan tiap-tiap tahun kita adakan iaitu dari 16hb. hingga 30hb. Oktober, Diadakan pun hanya di ligakawasan juga-Kuala Lumpur, Penang dan juga Johor Bahru. Saya ingin mencadangkan supaya tiap-tiap bandar yang berkenaan ini mempunyai shopping carnival yang berlainan tarikh-tarikhnya. Tidak semestinya dari tarikh 16hb. hingga 30hb. Oktober tadi.

Tuan Yang di-Pertua, soal kelima yang ingin saya sentuh ialah mengenai perumahan kos rendah. Saya mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada kerajaan yang sebegitu prihatin terhadap masalah perumahan ini. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tadi, RM2.6 bilion telah pun diperuntukkan untuk projek-projek perumahan kos rendah ataupun penimahan untuk rakyat termiskin ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana satu lagi projek perumahan murah untuk rakyat termiskin akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 28hb. Disember jam 4.00 petang di kawasan Parlimen

saya ataupun bakal kawasan Parlimen saya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapali ialah kita terlalu sangat memberikan penekanan soal perumahan kos rendah. Setiap projek, dipastikan sekurang-kurangnya 30% ataupun 40% mesti ada kos rendah dan bagi pihak-pihak pemaju pula, apabila sudah dipaksa, mereka pun akan melaksanakan. Cara pelaksanaannya, ada pemaju yang baik, dia akan buat rumah murah dahulu, lepas itu baru dia buat rumah harga tinggi dan juga yang lainnya. Ada pemaju yang sedikit baik, dia akan buat serentak antara rumah murah dan rumah yang berharga tinggi. Ada sesetengah pemaju, kerana hendak mendapatkan keuntungan dahulu, dia buat dahulu rumah-rumah yang harga tinggi dan rumah-rumah murah ini dia buat yang terkemudian sekali. Akhirnya apabila telah mencapai keuntungan, untuk mendapat keuntungan mereka ini pun cabut lari dan meninggalkan projek itu terbengkalai kerana mereka tahu projek-projek murah ini tidak mendatangkan keuntungan.

Jadi, kita berharap supaya satu mekanisme difikirkan oleh pihak kementerian supaya pemaju-pemaju ini juga mempunyai tanggungjawab supaya apabila telah mendapat keuntungan dari rumah-rumah mahal, mereka ini meninggalkan projek-projek rumah murah. Satu perkara yang saya dapati, permohonan untuk mendapatkan rumah ini boleh dikatakan berlipat-lipat ganda. Ramai yang memohonnya tetapi yang memohon rumah mahal, rumah yang harganya melebihi RM150,000 ataupun ke atas agak' berkurangan.

Saya tahu kenapa masalah ini berlaku kerana kebanyakan mereka yang memohon rumah-rumah ini, mereka ini adalah menjadi golongan yang sungguh tidak bernasib baik, khasnya mereka yang dalam golongan berpendapatan pertengahan. Mereka ini tidak layak untuk mendapatkan rumah murah tetapi tidak mampu untuk membeli rumah-rumah yang berharga

mahal. Jadi, mahu tidak mahu, mereka ini dengan apa cara sekalipun akan cuba menunjukkan pendapatan yang rendah, kadangkala suami bekerja pun, ditunjukkan seolah-olah seorang sahaja yang bekerja mendapatkan rumah-rumah murah ini.

Jadi, di samping kerajaan memberikan penekanan terhadap rumah murah, janganlah pula kerajaan lupa terhadap pendirian ataupun penekanan terhadap rumah-rumah yang berharga sederhana kerana, di dalam kumpulan inilah, kumpulan yang selalu saya katakan kumpulan yang sungguh-sungguh malang sekali. Merupakan kumpulan yang selalu tertinggal apabila dibuatkan satu-satu perancangan. Mereka yang berpendapatan rendah, kerana ada yang simpali, mereka ini dapat peruntukan-peruntukan dan mereka yang berpendapatan tinggi, tidak jadi masalah dan mereka ini terus dapat membeli rumah-rumah yang berharga tinggi.

Jadi, saya berharap seperti mana yang telah saya katakan tadi, supaya kerajaan di samping memberikan penekanan terhadap perumahan kos rendah, juga menentukan supaya rumah-rumah kos sederhana juga didirikan dan diharapkan supaya kerajaan mengadakan satu dasar di mana-mana projek perumahan di samping menentukan kuota kos rendah ditentukan juga kuota-kuota rumah kos sederhana. Janganlah dibiarkan kepada soal pasaran ataupun market forces, dengan izin, meneniukan pasaran bagi rumah-rumah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keenam yang ingin saya sentuh ialah mengenai peranan bank. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sektor kewangan memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada 28,000 pekerja-pekerja bank dan juga pekerja-pekerja institusi kewangan yang telah pun menunjukkan pencapaian yang

cemerlang di tahun 1993 di mana keuntungan bank-bank dan juga institusi kewangan secara keseluruhannya telah pun meningkat dari RM1.985 juta pada tahun 1990 kepada RM3,900 juta pada tahun 1993. Hasil dari keuntungan ini boleh dikatakan free tax profit per employee juga telah pun melonjak dari RM35.000 pada tahun 1991 kepada RM52,000 pada tahun 1993.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga diingat bahawa keuntungan yang diperolehi oleh sektor bank ini adalah hasil dari peningkatan ekonomi negara dan sokongan rakyat jelata. Bank-bank juga seperti corporate citizen yang lain juga mempunyai tanggungjawab sosial kepada rakyat dan juga kepada negara. Rakyat yang menyumbang pada keuntungan berlipat kali ganda, bank-bank juga ingin menagih perkhidmatan yang lebih baik dan juga lebih selesa dan juga lebih bersopan daripada institusi-institusi kewangan.

Menyentuh dalam soal sektor bank ini, saya ingin menyarankan supaya bank-bank kita ini dari segi banking hournya, ada bank dahulu di antara 10.00 pagi hingga 3.00 petang, tetapi sekarang ini, lain bank, lain caranya. Ada yang dari 10.00 pagi hingga 3.00 petang; ada yang pukul 9.00 pagi sampai 4.30 petang; ada yang pukul 9.30 pagi sampai pukul 4.00 petang. Jadi, tidak ada standardization, Saya berharap supaya pihak Bank Negara mengkaji supaya satu masa yang standard diadakan. Kalau hendak bermula pukul 9.00 pagi, semuanya bermula pukul 9.00 pagi sampai pukul 3.00 petang ataupun 4.00 petang. Saya menyarankan masa yang sesuai ialah antara 9.00 pagi hingga ke 4.00 petang supaya semua bank-bank ini mengadakan banking hournya antara pukul 9.00 pagi hingga pukul 4.00 petang.

Satu perkara lagi, saya percaya banyak peningkatan-peningkatan yang boleh dilakukan oleh pihak-pihak bank. Saya fikir tidak salah kalau kita belajar daripada bank-bank asing. Sekarang ini telah pun

ada bank yang boleh kita bual banking 24 jam—24 hours banking—setengah-setengah bank telah pun memperkenalkan banking melalui telefon, tetapi keadaan ini masih juga lagi belum dilaksanakan oleh bank-bank tempatan.

Satu perkara lagi, saya telah pun banyak kali menimbulkan dan saya masih ingat lagi soalan pertama saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan (semasa itu Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan) iaitu soal faedah yang dikenakan oleh syarikat-syarikat kad kredit apabila saya menjadi Ahli Dewan ini. Tetapi semalam saya membaca lagi di dalam akhbar, setelah 3 tahun, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang lain pula menjawab bahawa soal interest 24% yang dikenakan oleh kad-kad kredit ini oleh bank-bank melalui penggunaan kad-kad kredit ini masih lagi dikaji. Apakah perlu masih 3 tahun bagi Bank Negara untuk mengkaji soalan-soalan ini? Kalau boleh diturunkan, kalakan boleh, kalau tak boleh, katakan lak boleh terus. Jadi, senang. Jadi, jangan pula sampai saya tidak ada lagi di Dewan ini besok, masih juga pihak Bank Negara mengkaji juga lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu amaranah atau ingatan sahaja?

Tuan Rahim bin Bahu: Tidak, ini sebagai ingatan sahaja kerana saya ada 2 tahun lebih lagi mudah-rudahanlah. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan atau Menteri Kewangan akan menjawab bahawa pinjaman pada kad kredit ini tidak ada collateral. Jadi, itulah sebabnya interestnya tinggi. Tetapi kita pun boleh argue juga dan rakyat pun boleh argue juga, kadang-kadang pinjaman yang ada collateral pun fully secured—110% secured, pinjaman ASB, pinjaman Amanah-amanah Saham pun dikenakan interest sampai 11% ataupun 12%, pada hal BLR hanyalah 6% ataupun 7% — maknanya 5% alaupun 6% lebih tinggi daripada BLR. Jadi kadangkala, saya pun kasihan juga. Kadangkala golongan-

golongan miskin alau golongan berpendapatan rendah kena membayar interest yang tinggi untuk mendapatkan pinjaman.

Tetapi bagi tokoh-tokoh korporat atau mereka yang mempunyai perniagaan-perniagaan besar biasanya dikenakan interest 1% ataupun 2% daripada Base Lending Rate. Ini pun satu ketidakadilan. Baik kadang-kadang kita beli motokar pun, kadang-kadang pun saya kata, bila saya beli kereta, saya dapat interest 6.25%. Agaknya kerana saya ini seorang senator, dapatlah 6.25%. Tetapi kadang-kadang orang kampung, kalau beli kereta, masyarakat FELDA kena bayar 10% atau pun 11% interest yang dikenakan oleh syarikat-syarikat kewangan. Jadi, berlaku ketidakadilan di dalam soal ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketujuh yang terakhir yang ingin saya sentuh ialah mengenai pasaran saham. Semasa menerima Belanjawan terbaik pada bulan Oktober yang lalu, semua yang terlibat di pasaran saham mengharapkan pasaran saham akan melonjak naik, tetapi sebaliknya lelah pun berlaku. Sebenarnya, inilah keanihan yang terdapat di dalam pasaran saham. Kalau ada mereka yang berkata dia boleh mengagak apakah keadaan pasaran saham untuk besok, lusa ataupun untuk bulan hadapan ataupun tahun hadapan, saya fikir orang itu merupakan mereka yang tidak terlibat langsung di dalam pasaran saham.

Sebagai seorang yang telah pun agak lama juga berpengalaman di dalam pasaran saham, saya dapat pasaran saham adalah, kalau boleh dikatakan makhluk, adalah satu makhluk yang paling sensitif sekali. Kalau semasa muda-muda dahulu saya sangkakan orang yang bercinta itu paling sensitif, tetapi saya dapat pasaran saham lebih sensitif lagi. Kalau dahulu saya sangkakan seorang wanita itu seorang yang sensitif ataupun seorang wanita yang

bermadu itu adalah yang paling sensitif, tetapi melalui pengalaman saya, wanita yang bermadu pun tidaklah sesensitif seperti pasaran saham.

Oleh itu, saya berharap, setiap pihak yang terlibat di dalam pasaran saham hendaklah berhati-hati sebelum membuat sebarang kenyataan ataupun tindakan-tindakan, khasnya mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di pasaran saham seperti tokoh-tokoh korporat, seperti mereka yang menduduki Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara, Kementerian Kewangan, BSKL dan juga lain-lainnya. Setiap patah yang dipercakapkan akan dianalisa oleh penganalisa-penganalisa dan ianya boleh mempengaruhi pasaran saham kita.

Kita berharap kepada pihak Bank Negara, BSKL ataupun kepada Suruhanjaya Sekuriti, tidak akan ada peraturan-peraturan dan juga syarat-syarat baru yang dikeluarkan secara mendadak. Saya ingin memberikan pandangan-pandangan dan juga cadangan-cadangan kepada Suruhanjaya Sekuriti ataupun kepada Kuala Lumpur Stock Exchange mengenai satu perkara yang saya harap pihak Suruhanjaya Sekuriti dapat meneliti dan dapat melihainya iaitu mengenai saham-saham amanah.

Kadangkala timbul kekeliruan. Kempen yang dijalankan oleh mereka yang menubuhkan saham-saham amanah ini indah khabar daripada rupa kadangkalanya. Saya masih ingat lagi, Amanah Saham Selangor apabila dilancarkan ada yang menjangkakan seolah-olahnya, kalau dapat beli Amanah Saham Selangor itu, dapat pink form, kononnya. Berbaris orang untuk membelinya.

Ini adalah kerana kempen-kempen yang diberikan kadangkalanya mengtirukan, seolah-olah segala kekayaan di dalam negeri Selangor ini akan disalurkan kepada Amanah Saham Selangor. Tetapi kita tahu, bagaimana perjalanan sesualu

Amanah Saham Selangor. Tidak ada bezanya sesuatu Amanah Saham Selangor atau Amanah Saham mana-mana pun dengan satu kumpulan kewangan yang kita kumpulkan, selepas itu dia melabur di pasaran saham.

Jadi saya berharap supaya satu etika dari segi kempen yang dijalankan ini biarlah tidak sampai mengelirukan masyarakat. Ada yang sampai berhutang, ambil pinjaman bank sampai 10% atau 11% yang telah pun dikenakan. Hari ini Amanah Saham Selangor cuma RMI.00 kalau tak silap saya — kerana saya tak beli, kerana saya pun memang saya tahu keadaannya sama sahaja, baik saya beli sendiri. Tetapi saya kasihan melihatkan mereka yang telah pun diberikan satu gambaran yang salah.

Kaiu Amanah Saham Terengganu itu seolah-olahnya seluruh kekayaan Terengganu itu akan disalurkan kepada Amanah Saham Terengganu. Begitu juga kalau Kedah — seolah-olah seluruh kekayaan itu disalurkan kepada Amanah Saham Kedah! Jadi, rakyat menjangkakan — jadi saya lakut, sampai masanya besok, rakyat kita akan menuntut mana dia? Saya pun pelik, baru-baru ini umpamanya Amanah Saham Selangor, syarikat Shah Alam Properties yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor lelah pun difloat auipun diapungkan. Tetapi saya tidak tahu berapa yang telah pun disalurkan kepada Amanah Saham Selangor. Kalau sudah diberi, for sure harga Amanah Saham Selangor tentu telah pun lebih daripada RMI.10 ataupun sebagainya sekarang.

Tetapi ini, gambaran yang diberikan oleh pihak-pihak yang menaja ini seolah-olah segala kekayaan itu akan diberikan kepada Amanah Saham itu. Rakyat yang tidak tahu atau mereka yang duduk kadang-kadang berusaha-payah mengeluarkan pinjaman, menggadaikan apa-apa yang ada untuk membeli Amanah saham, tetapi pulangan yang dapat tidak setimpal. Saya tidak mengalakan bahawa mesti dapat seperti mana pink form ataupun

sebagainya, tetapi sekurang-kurangnya jangan diberikan satu gambaran yang salah kepada mereka — kepada rakyat yang hendak melabur di dalam Amanah-amanah Saham ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah tentang pengagihan saham melalui cabuam awam. Ini pun saya lihat kadangkala mereka yang terlibat mungkin memahami perkara ini. Kadangkala berlaku ketidakadilan. Katalah satu saham itu diapungkan. Lepas itu yang memohon baik di MIDF ataupun MIH, yang memohon dalam denomination RM 1,000 kadangkala peluang mereka untuk mendapat hanyalah 1% ataupun 2%. Hanya 40% daripada saham-saham ini diperuntukkan kepada mereka yang memohon untuk 1,000 padahal yang memohon 1,000 ini adalah terdiri daripada mereka yang dari golongan berpendapatan rendah, golongan pegawai kerajaan, golongan yang kalau dia masuk RM3,000 itu bermakna solid duitnya, duit yang disimpan untuk memohon. Tetapi apabila diadakan cabutan, diadakan pula yang RM2,000 ke RM3,000; RM5,000 ke RM10,000; RM10,000 ke RM20,000 dan juga sebagainya dan mereka ini pula walaupun bilangannya kecil, mungkin daripada 10,000 yang memohon mungkin 8,000 terdiri daripada mereka yang memohon 1,000 saham tetapi yang hanya 1,000 terdiri daripada mereka yang memohon RM2,000 ke atas. Tetapi keutamaan diberi kepada mereka yang memohon lebih. Jadi, mesti berlaku ketidakadilan. Peluang mereka ada 60%. Sudahlah bilangannya kecil, bilangannya mungkin 1,000 orang tetapi peluang mereka lebih daripada mereka yang lebih ramai.

Jadi, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kewangan khasnya dapat melihat perkara ini supaya sekali sahaja cabutan diadakan. Kalau dia hendak laruh RM10,000 atau RM100,000 pun sekali sahaja cabutan diadakan. Kerana yang memohon ini pun sudah cukup untuk

menampung apa-apa sahaja tawaran-tawaran yang dikeluarkan. Jadi, maknanya peluang itu sama. Apa yang berlaku seperti mana yang saya katakan tadi, mereka yang betul-betul menggunakan kewangan sendiri tidak ada peluang tetapi yang biasanya memohon RM10,000, RM50,000 semuanya menggunakan bank, mereka menggunakan kemudahan-kemudahan bank. Bukannya duit dia sendiri pun setengah-setengahnya dan mereka ini mempunyai peluang yang lebih. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang hadir sama faham, dapat memahami apa yang hendak saya katakan ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah masalah, ini pun saya harap dapat dipanjangkan kepada Kuala Lumpur Stock Exchange ataupun Suruhanjaya Sekuriti. Kadangkala setengah-selengah syarikat itu memberikan saham-saham bonus ataupun saham-saham terbitan hak (rights). Apa yang saya dapati ialah kadangkala apabila sampai tarikh "X" (bonus date), kita yang dapat saham bonus atau saham terbitan hak ini belum dapat lagi skripnya. Tetapi tarikhnya telah pun lepas. Jadi, maknanya yang mendapat keuntungan biasanya pada masa itu kerana teori supply and demand, kerana kurangnya saham ini beredar di pasaran; yang akan mendapat keuntungan ialah pemegang-pemegang saham yang terbesar; mereka yang mempunyai saham-saham terbesar inilah masanya dia unload sahamnya, dia jual dan apabila rakyat biasa; by the time menjelang kita dapatkan skrip itu, pada masa itu harganya pun sudah jatuh. Kita hendak jual sekarang ini sudah tidak boleh. It is an offence kalau kita jual dengan tidak ada memiliki satu saham. Jadi, apabila harga jatuh barulah rakyat biasa ini, pemegang-pemegang saham minoriti dapat saham kita. Jadi, ini pun berlaku sedikit ketidakadilan. Jadi, kita harap supaya sebelum tarikh, paslikan pada Security Commission sebelum tarikh (x date) baik saham bonus ataupun saham terbitan hak ini, semua pemegang saham

sudah tehma skrip masing-masing. Jadi, barulah adil (fair). Kalau tidak mereka ini akan dimanipulasi oleh pemegang-pemegang saham yang utama,

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun berjanji dengan rakan-rakan saya akan bercakap hanya 45 minit dan saya sebagai patuh dan taat kepada rakan-rakan, jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan juga dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Belanjawan 1995. Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee.

4.45 ptg.

Tuan Tan Son Lee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap pertamakali di dalam Dewan Negara ini mengenai Belanjawan 1995. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah dan juga Presiden Parti MCA, Yang Berhormat Dato' Seri Ling Liong Sik, Menteri Pengangkutan yang telah memberikan sokongan kepada saya supaya dilantik sebagai Ahli Dewah Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga pada masa yang sama ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu balanjawan bagi tahun 1995 yang amat menyeluruh, memastikan pembangunan insan dan paling cemerlang sekali dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang yang menyangka bahawa Malaysia telah maju sejak 10 tahun yang lalu. Keduanya sekali antarabangsa dan ekonomi. Ini adalah di bawah pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional dengan

kerjasama seluruh rakyat Malaysia menjadikan nama Malaysia begitu terkenal dan meneruskan persahabatan dengan negara-negara lain bukan sahaja di Asia tetapi juga di negara-negara Afrika dan lain-lainnya. Seperti ekonomi, kemajuan pembangunan yang juga cepat maju dan kukuh dalam South East Asia.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tujuh tahun berterusan perkembangan pembangunan Malaysia tidak kurang dari 8% dan ini adalah tertinggi dalam dunia. Yang Berhormat Dato' Setiausaha Agung Barisan Nasional merangkap Menteri Penerangan Malaysia telah membawa semua Setiausaha-setiausaha Barisan Nasional ke negara China pada bulan September lalu. Pemimpin-pemimpin Tertinggi China sangat kagum dengan pencapaian kemajuan ekonomi Malaysia. Mereka ingin tahu rahsianya bagaimana Malaysia dapat mencapai kemajuan tersebut. Saya sebagai Ahli Dewan dan rakyat Malaysia berasa sangat bangga dengan pencapaian ini. Kita mestilah seterusnya menyokong demi negara kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan kerajaan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang ditindas oleh kemiskinan amatlah dihargai. Rancangan rumah kos rendah yang diadakan oleh kerajaan tentulah membawa faedah besar kepada kumpulan berpendapatan rendah terutamanya kumpulan sasar di kawasan bandar. Demikian juga usaha kerajaan terhadap penduduk-penduduk di kawasan luar bandar. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menyediakan rancangan pembangunan rakyat termiskin PPRT dan perumahan untuk rakyat termiskin. Sehubungan dengan ini saya merayu dan memohon kepada kerajaan supaya dapat memberikan perhatian yang lebih kepada negeri Kedah kerana memandangkan begitu ramai rakyat di negeri Kedah tersebut masih memerlukan bantuan terutama sekali bantuan perumahan untuk mereka yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membangkitkan sedikit mengenai isu perpaduan kaum dalam negara kita. Memang setakat ini saya berpuashati iaitu dengan perpaduan dan prihatinan dari kerajaan, semua kaum telah hidup dengan satu sama lain dalam suasana bekerjasama, saling hormat menghormati, aman dan damai.

Negarakita telah mencapai kemerdekaan tidak lebih daripada 38 tahun tetapi dari segi prestasi pencapaian dari semua aspek adalah begitu camerlang. Ini semua bukan sahaja usaha kerajaan bahkan semua rakyat jelata yang terdiri dari berbagai kaum yang telah memainkan peranan yang begitu penting sekali dalam proses pembinaan negara.

Oleh yang demikian, saya amatlah berharap Kememerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dapat mengambil langkah-langkah yang berkesan yang mana hams mula di peringkat bawah melalui agensi-agensi Rukun Tetangga dan organisasi belia dan beliawanis supaya matlamat tersebut dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, akhir sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas kejayaan memajukan balanjawan yang amat istimewa lagi berimbang bagi tahun 1995. Kita sama-sama berharap agar semua pihak menerima baik Belanjawan *ini*. Marilah kita berusaha sama-sama dan merebut peluang-peluang yang ada agar kita sebagai rakyat akan dapat faedah darinya untuk kita menaikkan taraf hidup kita, sejajar dengan hasrat dan aspirasi kerajaan melalui Belanjawan ini. Mudah-mudahan dengan kemudahan ini kita akan hidup lebih selesa dan aman. Sekian, saya menyokong Balanjawan 1995. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mastika Junaidah binti Husin.

433 *ptg.*

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk pertama kali saya berucap di Dewan yang mulia ini. Oleh kerana ini adalah ucapan sulung saya, sayamemohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz dan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis yang mana dengan sokongan dari kepercayaan mereka, saya telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan adalah merupakan perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Kita bersyukur kerana keprihatinan pemimpin jentera kerajaan malah seluruh rakyat di negara kita, Belanjawan diberi perhatian sebagaimana sepatutnya. Saya kira ini adalah di antara faktor yang telah menyumbang ke arah pencapaian negara yang tinggi yang kita nikmati sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya turut memberi sedikit sebanyak pandangan saya, adalah cuai bagi saya sekiranya tidak terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kakitangan kerpenterian yang telah berjaya membentangkan Belanjawan yang sangat memberarig-sangkan. Tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah memperlihatkan dan mencatatkan lapan pencapaian tahun 1994 di dalam ucapannya semasa membentangkan belanjawan di Dewan Rakyat. Saya kira banyak lagi pencapaian-pencapaian yang tidak tercatat. Namun memang berlaku sehingga mendorong kepada kemantapan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dasar-dasar yang menjadi asas kepada Belanjawan Negara 1995. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menegaskan dalam kenas Belanjawannya iaitu kejayaan tidak harus dibatasi dengan angka tunjuk ekonomi semata-mata. Keselesaan hidup harus terjamin, namun pembangunan hakiki juga bermakna usaha menggilap kekuatan akhlah, pengukuhan akhlak, pemekaran kebudayaan, pembinaan jiwa merdeka, Kita menganjurkan kebebasan dalam lingkungan moral, penyertaan dalam pembangunan dan urusan awam, reformasi untuk nrembebaskan masyarakat daripada kezaliman, rasuah dan pelbagai penyakit dan kebejatan sosial. Bahkan dalam aspek ekonomi sekalipun ia bukan terhad kepada isupertumbuhan, pembasmian kemiskinan, pengagihan kekayaan dan usaha ke arah pemerataan sosial sewajarnya melengkapi setiap rencana ekonomi. Hu yang telahpun ditulis oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan,

Satu lagi ungkapan yang ingin saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini yang tertulis dalam pembentangan Belanjawan, pertumbuhan ekonomi adalah wasilah untuk membangunkan insan seutuhnya, menjamin keadilan sosial. Pembangunan menjadi prasyarat bagi meneruskan agenda pengagihan, mengangkat mutu rakyat di dusun, desa dan bandar, meningkatkan kesedaran ilmu dan membina ketrampilun teknologi serta menyemarakkan apresiasi, seni dan budaya. Ia morentasi segala perancangan tersebut iaitu menyemai nilai luhur berdasarkan fahaman agama dan moral.

Di dalam kerangka belanjawan, Yang Amat Berhormat telahpun menyarankan iaitu empat objektif telah digariskan, yang akan dicapai dalam Belanjawan 1995.

- (i) ke arah pertumbuhan yang kukuh dan mampan;
- (ii) kawalan inflasi pada kadar terendah;

- (iii) pembangunan sumberdaya manusia yang berketrampilan; dan
- (iv) pembentukan masyarakat yang progresif dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya memetik ketiga-tiga petikan tadi adalah untuk kita benar-benar meneliti dan menghayati dasar-dasar yang ada di sebalik angka yang tertera dalam Belanjawan negara. Saya kira apa yang telahpun disebutkan yang menjadi dasar kepada Belanjawan itu adalah amat padat dan memenuhi keperluan untuk kita membina sebuah negara dan bangsa yang berjaya.

Setelah mengkaji laporan-laporan yang disediakan, ternyata pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan beberapa tahun kebelakangan ini yang diusahakan oleh kerajaan Barisan Nasional telah berjaya memberi peluang kepada kita mengatur masa depan dengan lebih bermakna. Kerana, perkembangan ekonomi rakyat yang baik, pengangguran yang terkawal, walaupun beberapa cukai diturunkan, ia tidak menjejaskan anggaran hasil negara kerana dari segi volume kutipan ia bertambah maka hasil tetap meningkat.

Di dalam Anggaran Persekutuan 1995 melalui Kod Hasil No. 60000 hingga 92000 telahpun menunjukkan anggaran pendapatan tahun 1995 meningkat daripada 1994 iaitu daripada RM44.7 bilion kepada RM47.6 bilion. Jika diperhatikan dengan mendalam penyata anggaran hasil yang disediakan, hasil cukai langsung iaitu kod 61100 dan kecil 61999 jelas menunjukkan anggaran hasil yang meningkat bagi tahun 1995 berbanding dengan 1994. Tajuk-tajuk besar yang mewakili kutipan hasil adalah daripada cukai pendapatan dan lambahan cukai individu walaupun cukai-cukai telahpun dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi ada penurunan-penurunan yang telahpun dibuat.

Yang kedua, cukai pendapatan dan tambahan cukai daripada syarikat-syarikat yang mana kebelakangan ini negara kita telahpun menikmati satu kemajuan dalam

pencapaian kemajuan pemiagaan di negara kita.

Yang ketiga, cukai pendapatan petroleum. Walau bagaimanapun perkara yang ketiga ini telahpun menunjukkan penurunan padatahun 1995danyangkeempat,daripada cukai setem.

Ini jelas menunjukkan volume yang bertambah, ekonomi rakyat yang mantap, pertumbuhan pemiagaan yang menyumbang kepada hasil negara yang tinggi telahpun dapat menentukan anggaran pendapatan hasil kita masih mampu untuk menanggung perbelanjaan yang dibentangkan.

TuanYangdi-Pertua.saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Kod Hasil Negara 62000 cukai tidak langsung daripada getah, timah, dan lain-lain galian termasuk lada putih, nilainya adalah kosong. Satu ketika dahulu komoditi ini adalah merupakan penyumbang hasil negara. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang begitu cekap dan cekal mengubah dasar negara daripada negara pengeluar bahan-bahan tadi kepada negara perindustrian dan juga kejayaan negara dalam meneroka bidang baru petroleum dan sebagainya. Tanpa perubahan dasar ini saya pasti Malaysia akan menjadi negara miskin dengan hasil kosong daripada kod yang saya sebutkan tadi. Namun agak malang bagi kita kerana pihak Pembangkang negara ini tidak pernah appreciate, dengan izin, ataupun menghargai kejayaan yang telahpun kita lakukan. Di dalam penyata hasil dengan ekonomi yang meningkat, keperluan perkhidmatan meningkat segala hasil bukan cukai seperti pelesenan, pendaftaran, permit dan perkhidmatan meningkat.

Dalam hal ini, saya ingin menyentuh mengenai levi pekerja asing. Saya perhatikan dari laporan yang telahpun disertakan, dianggarkan hasil tahun 1995 sebanyak RM300 juta berbanding dengan anggaran tahun 1994—RM34 juta. Tetapi di dalam anggaran yang disemak, sebanyak

RM235 juta. Saya agak hairan dengan fenomena ini. Fenomena ini memperlihatkan bahawa ia berlaku di luar perancangan kita. Kemasukan buruh asing, saya rasa perlu dikaji dengan teliti, baik-buruknya dan implikasi kepada sosial dan juga psikologi kepada penduduk tempatan.

Menyentuh mengenai Kod 70000—Hasil Bukan Cukai, Faedah dan Perolehan Pelaburan, adalah didapati pelaburan yang telah dibuat oleh kerajaan belum lagi mcmbuah hasil-hasil kecuali daripada syarikat perkapalan aniarabangsa scbagaimana yang telah di sebutkan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Memeri tadi, misalnya hasil daripada Syarikal Explosives Sdn. Bhd., perumahan pegawai kerajaan, hasil PETRONAS dan HICOM. Tetapi beberapa syarikat yang lain nampaknya tidak menyumbang kepada sumbangan negara. Kita berharap di dalam pelaburan di mana kerajaan telahpun menyumbangkan kepada syarikat-syarikat yang telahpun kerajaan melaburkan sebahagian wang dalam syarikat yang berkenaan supaya mereka memberi perhatian, supaya mereka juga dapat menyumbang balik kepada belanjawan negara. Kita berharap dengan ini masa depan negara akan lebih cerah lagi dan banyak cukai, dan kemungkinan juga banyak lagi denda-denda kepada rakyat dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1995 yang dibentangkan, perbelanjaan yang bemiilai RM48.798 bilion, angka yang terbesar yang kita lihat daripada-peraturan-peraturan yang telah dituliskan di situ, pembangunan pertanian dan pembangunan luar bandar/mendahului perkara-perkara yang lain iaitu mendapat peruntukan Mengurus dan Pembangunan sebanyak RM2.6417 juta aiau 5.4%.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan luar bandar adalah perkara yang perlu diberi perhatian. Alhamdulillah, semenjak tnerdeka, keperluan asas ataupun infrastruktur yang telah diadakan oleh Kerajaan Barisan Nasional di tahap yang

memuaskan. Namun, masih ada lagi kawasan-kawasan pedalaman yang memerlukan perhatian.

Dari segi ekonomi pergantungan rakyat luar bandar dalam sektor pertanian adalah merupakan tradisi yang masih kekal pada hari ini, Pemilikan tanah yang kecil, teknologi pertanian yang mundur, kekurangan modal, lebih-lebih lagi sikap tradisional petani-pelani tidak mengusahakan pertanian secara komersil menjadikan pendapatan petani berada di tahap yang lama, tiada kemajuan dan ini amat membimbangkan kerana pendapatan per kapita negara akan meningkat Dianggarkan pada tahun 2020, pendapatan per kapita akan meningkat 4 kali ganda manakala pendapatan penduduk luar bandar mungkin tidak berubah.

Oleh kerana tekanan hidup semasa akhir-akhir ini timbul satu kecenderungan baru penduduk luar bandar boleh mengubah cara hidup mereka daripada petani kepadakerja lain yang lebih terjamin pendapatan bulanan seperti menjadi buruh binaan atau bekerja di kilang-kilang. Oleh kerana tempatkerja jauh daripada rumah mereka, biasanya mereka keluar subuh dan balik pada waktu malam. Untuk menjadi operator kilang, biasanya wanita lebih diutamakan. Keadaan ini kadangkala menimbulkan berbagai masalah sosial.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mencari jalan untuk mewujudkan kilang-kilang yang menggunakan sumber tenaga manusia di luar bandar dengan menggemblengkan persatuan-persatuan yang mana ahlinya adalah terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar seperti Persatuan Peladang, Persatuan Nelayan dan badan-badan lain yang dimiliki oleh rakyat bagimewujudkan pekerjaan untuk menambah sumber pendapatan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita mendengar Yang Berhormat Tuan Rahim Baba telahpun mengatakan pengagihan dan kesamarataan pengagihan

kekayaan negara, Saya rasa perkara yang ditimbulkan ini harus diberi perhatian yang serius supaya penduduk kita di luar bandar dalam mengurus pembangunan ini tidak ketinggalan. Jika tidak, rasa tidak puas hati mereka akan menimbulkan perkara yang mungkin tidak diinginkan pada masa-masa yang akan datang.

Kita juga berharap supaya di dalam perancangan yang telah dibuat melalui Tabung Usahawan, melalui IKS, Vendor, Program Payung dan sebagainya, penduduk-penduduk di luar bandar akan juga diberi keutamaan dalam program-program yang disebutkan tadi. Bagi menjamin keluarga petani akan terus berkembang, teknologi baru dan penggunaan mekanisasi harus dipertingkatkan. Yang ketiga, saya menyarankan perusahaan secara berkelompok di bawah kelolaan pertubuhan-pertubuhan peladang atau persatuan-persatuan yang dianggotai oleh petani-petani diberi galakan dan dipertingkatkan rakyat di luar bandar dengan rakyat yang innocent.

Keinginan mereka mencari keredaan Allah biasanya diambil kesempatan oleh pihak yang menggunakan agama untuk kepentingan peribadi. Itulah sebabnya ada pihak yang berani mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan agama serta mendapat sokongan oleh mereka yang dahagakan ilmu agama. Bagi anak-anak muda, pendekatan jumud ini memmbulkan kekeliruan hingga mereka merasa agama itu adalah suatu yang tidak luhur. Kerana atas nama agama, ada pihak yang sanggup mengata, memfitnah malah memburukkan orang di khalayak orang ramai. Demi untuk meletakkan agama di tempat yang mulia dan demi untuk membetulkan aqidah umat Islam, kerajaan haruslah mengambil tindakan yang tegas penggunaan agama untuk kepentingan peribadi.

Kedua, saya menyarankan supaya kerajaan mempertingkatkan dakwah di kampung-kampung dengan memperbanyakkan guru-guru agama yang

bertauliah untuk mengajar di surau, di masjid agar umat Islam dapat mendalami "Islam is the way of life.", dengan izin, termasuk menekankan unsur-unsur ekonomi, pengenalan-pengenalan kursus keibu-bapa andan juga lain-lain ilmu yang sejajar dengan doa (membaca petikan doa dalam bahasa Arab), yang bermaksud kita mencari kebaikan di dunia dan juga di akhirat. Oleh yang demikian, kita berharap supaya kerajaan mencari jalan supaya insititusi masjid hendaklah dijadikan tempat beribadat dan juga tempat menimba ilmu.

Saya menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi supaya guru-guru Kafa diberi peruntukan yang sewajarnya dan masalah-masalah mereka harus di atasi. Namun dalam perkara ini, saya merasakan bahawa kita perlu berhati-hati supaya guru-guru Kafa ini tidak digunakan sebagaimana saya sebutkan tadi untuk kepentingan sesuatu pihak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu pembangunan wanita. Wanita adalah sumber penting dalam institusi kekeluargaan. Penduduk wanita di Malaysia adalah sebanyak 8.7 juta dan 4.2 juta daripada mereka ini berada di luar bandar. Tenaga mereka yang berada di luar bandar sering lidak diiktiraf walaupun mereka merupakan penyumbang kepada kestabilan institusi kekeluargaan dan mereka juga merupakan pengeluar yang produktif. Pekerja wanita luar bandar adalah pekerja yang taat untuk keluarga dan mereka sering kali menjadi menteri kewangan di dalam rumah tangga. Jika wanita menjadi pengusaha ladang sepenuh masa, mereka pula perlu berhempas pulas untuk mendapatkan kredit untuk projek-projek mereka. Ada pihak yang meragm kebolehan wanita dalam soal ini. tetapi hari ini melalui Program Amanah Ikhtiar, barulah kita semua sedar waniia adalah peminjam yang paling beramanah. Oleh itu. sayamenyarankan semua pihak harus melayan wanita sewajarnya.

Di bidang pekerjaan profesional, teknika) dan juga pengeluaran, wanita tidak ketinggalan menyumbang tenaga. Tenaga kerja teramai golongan wanita ialah dalatn bidang pendidikan. Mengikut rekod tahun 1988, guru wanita adalah seramai 68,421 orang. Laporan tahun 1988 menunjukkan wanita yang ada dalam kumpulan profesional dan pengurusan adalah seramai 19,302 iaitu 8.9%. Angka ini amat kecil jika dibandingkan dengan ramainyapopulasi wanita. Dalam bidang eksekutif dan separa profesional wanita diwakili oleh 15,066 orang iaitu 7%. Namun, tidak dapat dinafikan wanita menguasai kumpulan perkeranian dan teknikseramai 104,153orangiaitu48.5%. Oleh itu, adalah.dirasakan penglibatan wanita di dalam kumpulan profesional dan separa profesional ini harus diberi perhatian dari angka peratus yang saya sebutkan tadi begitu kecil jika dibandingkan dengan populasi wanita.

Penglibatan wanita bukanlah mewakili 'gender',tetapi penglibatan wanitaadalah untuk memberi sumbangan kepada negara, kerana sebahagian daripada penduduk negara adalah waniia, dalam membuai dasar-dasar negara dan sumbangan wanita adalah untuk kepentingan keluarga dan juga kepemingan masyarakat di negara kita.

Di dalam masalah pembangunan wanita ini,kita dapati wanita-wanita yang bekerja seringkali menghadapi masalah.-masalah untuk mereka menjaga anak.-anak untuk mereka meneruskan karier mereka. -

Saya berpendapat sudah tiba masanya, di mana kita ingin memperkukuhkan insititusi kekeluargaan dan juga untuk kita mengurangkan masalah-masalah sosial yang begilu ketara berlaka kebelakangan ini, supaya diwujudkan tempat-tempat mengasuh bayi dan juga tempat-tempat menjaga anak-anak sementara ibu bapa menjalankan tugas mereka dan juga menjalankan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lagi di dalam Belanjawan yang dibentangkan iaitu mengenai PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin). Saya telah mengkaji laporan-laporan yang telah pun diedarkan, laporan-laporan audit daripada negeri-negeri yang telah pun diedarkan. Kita dapati boleh dikatakan semua negeri-negeri dan juga di semua badan-badan berkanun yang melibatkan pembangunan luar bandar telah mewujudkan Program PPRT.

Program PPRT ini adalah program yang baru, tidak ada pegawai khas yang dilantik untuk melaksanakan Program PPRT. Semua jabatan-jabatan yang ada di luar bandar ataupun di bandar masing-masing mengambil peranan masing-masing mengambil peranan mereka untuk menjayakan program ini. Saya kira ini adalah satu program yang begitu baik sekali untuk kita membela nasib mereka yang tidak bemasib baik.

Namun, saya ingin membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, di dalam pelaksanaan Program PPRT. Saya rasa kajian harus dijalankan dan penelitian harus dibuat supaya Program ini benar-benar menepati kumpulan sasar dan benar-benar dapat membebaskan mereka yang terjerat dengan keadaan 'hard core' miskin ini ataupun kumpulan yang termiskin ini, supaya mereka dapat melepaskan diri mereka daripada kemiskinan. Jika projek ini tidak diteliti dengan benar, jika kita hanya melihat angka yang dibelanjakan sahaja, kita tidak melihat angka tunjuk pencapaian dan juga kejayaan dalam projek ini, saya rasa pencapaiannya tidaklah dapat kita tentukan ketepatannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh soal pengauditan. Kita juga telah pun dibekalkan dengan Laporan Audit. Saya rasa dalam mengkaji Belanjawan Negara, selain daripada kita melihat pendapatan, kita melihat perbelanjaan yang dicadangkan. Kita perlu

meneliti sejauh mana pencapaian daripada Belanjawan yang telah pun dibentangkan.

Saya meneliti Laporan Audit tahun 1992 yang dibekalkan, saya kira ada beberapa perkara yang harus diberi perhatian oleh kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan. Insya Allah sekiranya kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan yang telah pun dinyatakan ini dapat kita atasi, saya yakin dan percaya, negara kita akan menjadi lebih maju dan lebih makmur lagi. Sekianlah ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Berhormat Tuan Chong Kah Kiat.

5.5ptg.

Tuan Chong Kah Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan tahun 1995 yang dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pertantikan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Saya juga tidak lupa menyatakan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah memberikan sokongan berterusan kepada Parti Liberal Demokratik Sabah dan sokongan beliau kepada saya menjadi Senator.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berikrar bahawa saya akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab saya sebagai seorang ahli baru Dewan yang mulia ini. Saya berharap juga akan mendapat nasihat dan bimbingan daripada rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Belanjawan tahun 1995 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan

yang juga selaku Timbalan Perdana Menteri kita adalah berupa satu belanjawan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Saya ingin menekankan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa meletakkan kepentingan rakyat di atas segala kepentingan lain, baik di dalam belanjawan yang sudah-sudah yang pernah dibentangkan dalam Parlimen. Sekali gus inilah sebab ataupun punca Barisan Nasional sentiasa mendapat sokongan berterusan daripada rakyat jelata dan kembali diberi kuasa berterusan untuk memerintah sejak merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kita di atas dedikasi dan wawasan beliau dalam mengukuhkan ekonomi negara. Apa yang perlu diambil kira ialah meskipun dunia menghadapi resesi ekonomi, tetapi negara kita dapat mencapai pertumbuhan ekonomi negara lebih 8% berturut-turut sepanjang 7 tahun.

Saya percaya dengan mendapat sokongan padu dari rakyat, Kerajaan Barisan Nasional akan berterusan membawa kemakmuran yang berpanjangan kepada semua rakyat di tahun-tahun yang akan datang. Belanjawan tahun 1995 ini, selain dari mempertingkatkan ke tahap pertumbuhan ekonomi, ia juga bertujuan mengurangkan inflasi, mewujudkan tenaga kerja mahir dan membina sebuah 'society' yang seimbang dan progresif.

Di sini, saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, yang telah mengambil langkah-langkah positif ke arah mengawai inflasi. Dan saya tidak ragu-ragu menyatakan bahawa semua lapisan rakyat Malaysia akan membebaskan kerjasama kepada beliau dalam usaha membendung inflasi. Rakyat Malaysia berbilang kaum dan golongan hidup, amat terutang budi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita kerana pembasmian atau pengurangan

cukai import melebihi 2,600 jenis barangan, majoriti yang melibatkan bahan-bahan makanan yang menjadi keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting juga ialah pemansuhan dan pengurangan cukai eksport terhadap berbagai barangan keperluan agama jelas melambangkan atau menjamin toleransi, persefahaman dan hormat kerajaan Barisan Nasional menerusi Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam konteks rakyat berbilang kaum, berbilang budaya dan berbilang agama yang terdapat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sedikit kesempatan bercakap mengenai Sabah. Sepuluh tahun yang lalu kita telah menyaksikan pembangunan sosial dan ekonomi berlaku di semua negeri di Malaysia tetapi kita di Sabah dan juga tentunya di Kelantan, telah diabaikan oleh kerajaan PBS yang hanya mampu bercakap dan membuat janji-janji kosong kepada rakyat Sabah. Tidak terdapat seorang pun atau mana-mana parti politik di Malaysia ini melainkan barangkali DAP yang boleh mengatasi PBS, yang bijak berkata-kata dan bijak membuat janji kepada rakyat. Cakap-cakap dan janji adalah tidak bermakna jika ia tidak dapat ditunaikan atau dipenuhi. Rakyat Sabah sekarang sudah sedar bahawa hanya janji-janji Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang pasti boleh ditunaikan. Dalam hal ini, saya banyak berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah melayan janji-janji yang telah dibuat kepada rakyat Sabah semasa pilihan raya negeri yang lalu.

Sabah akan mendapat sebuah universiti sebagaimana yang dijanjikan. Masalah-masalah asas pembangunan seperti elektrik dan air telah mendapat perhatian yang serius daripada Kerajaan Barisan Nasional dan juga mendapat bantuan positif daripada Kerajaan Pusat. Kita harus menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi ini di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM500 juta telah pun diperumukkan kepada Sabah dalam tahun ini untuk berbagai kegunaan pembangunan, infrastruktur di bidang menaikkan taraf jalan raya dalam bandar dan luar bandar termasuk bekalan air dan elektrik. Setakat ini, lebih daripada 900 kilometer jalan raya dalam bandar dan luar bandar telah dinaikkan tarafnya alaupun diperbaiki sejak Barisan Nasional membentuk kerajaan di Sabah lapan bulan yang lalu. Selain dari peruntukkan RM500 juta itu Kerajaan Pusat juga telah membelanjakan RM320 juta untuk menaikkan taraf bekalan tenaga elektrik di Sabah dan RM280 juta lagi akan dibelanjakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Kerajaan pusat sepanjang dua tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ragu-ragu lagi bahawa kekurangan bekalan air dan elektrik di Sabah dapat diatasi oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri yang ada, tidak lama lagi. Saya berasa amat sukacita kerana Belanjawan 1995 ini telah memperuntukkan provisi yang paling besar terhadap pembangunan pendidikan. Dan peruntukkan yang besar juga telah diberikan untuk Sabah. Kerajaan Barisan Nasional Pusat baik pun Negeri akan terus memberikan geran kepada jenis sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah persendirian kebangsaan Cina di Sabah.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah menyerahkan peruntukkan sebanyak RM500,0(X) kepada sebuah sekolah menengah persendirian jenis kebangsaan Cina dalam kawasan saya di Kudat yang mana saya amat berbesar hati. Sebanyak RM600,000 telah diperuntukkan kepada sebuah sekolah lagi di Sandakan, iaitu sekolah menengah persendirian jenis kebangsaan Cina bulan lalu sebagai memajukan pembangunan pendidikan bahasa Cina di Sabah dan seterusnya di masa akan datang. Sekolah-sekolah yang sama di Kota Kinabalu dan pekan-pekan di Sabah juga menerima atau akan menerima bantuan yang sama daripada Kerajaan Barisan Nasional. Bagi pihak masyarakat Cina di Sabah ingin

menyampaikan rasa terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas sumbangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sementara masih berbicara mengenai pendidikan, saya ingin menyampaikan satu masalah yang sentiasa berlaku di Sabah. Bahawa meskipun sekolah-sekolah mendapat berbagai peruntukkan atau geran, namun saya dapati kebanyakan penuntut atau murid-murid, terutama murid-murid sekolah rendah telah dan selalu diarah oleh sekolah-sekolah mereka untuk pergi ke pekan-pekan, ke pusat membeli-belah (shopping complex) dan estet-estet perumahan untuk mengutip derma untuk kegunaan sekolah melalui aktiviti-aktiviti sampingan seperti 'walkathon' jogathon dan sebagainya.

Saya merasapi hak berkuasa pendidikan hendaklah menghentikan amalan iri kerana ia tidak berpatutan menggunakan tenaga murid-murid sekolah khususnya murid-murid sekolah rendah berkeliaran di pusat membeli-belah, estet perumahan dan pekan-pekan untuk mengutip derma. Ia bukan sahaja membuang masa tetapi ia juga membahayakan diri murid-murid sekolah tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, I feel this is a very serious matter and I trust the ministry concerned will put a stop to this.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin menyokong Belanjawan 1995 yang dinamik, liberal dan pragmatik seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Soong Siew Hoong.

5.30 ptg.

Dato' Soong Siew Hoong: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Belanjawan 1995.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan telah di antara lainnya menitikberatkan lentang memesatkan pertumbuhan sektor perindustrian, menggalakkan pelaburan domestik pada masa yang sama mengawal inflasi di negara ini. Cadangan-cadangan yang dibuat dalam Belanjawan memang menunjukkan komitmen kerajaan kepada pencapaian matlamat-matlamat yang disebutkan tadi. Bagaimanapun, saya ingin membangkitkan tiga perkara yang boleh membantu pertumbuhan dan kemajuan industri.khasnya industri kecil dan sederhana (IKS) di negara kita untuk pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Yang Pertama, kerajaan harus memberi pertimbangan atau wajaran yang lebih kepada kandungan tempatan atau, dengan izin, local content dalam barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ingin diperolehi olehnya melalui tawaran terbuka, selain daripada memberi pertimbangan kepada sektor bumiputera. Ini adalah jika mutu atau harga dan penyerahan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah serupa di kalangan mereka -yang tawarannya telah disenaraipendekkan, atau dengan izin, short-listed. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri seperti IKS, selain daripada membelanjakan berjuta-juta ringgit ke atas penyelidikan dan pembangunan R&D.

Kerajaan telah juga memperuntukkan banyak wang dan usaha ke atas pembangunan sumber-sumber manusia supaya mutu dan daya pengeluaran industri-industri perkilangan dan perkhidmatan dapat dipertingkatkan. Oleh yang demikian, adalah logical bagi kerajaan memberi setiap peluang dan galakan kepada barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan oleh industri-industri tempatan yang pertumbuhannya giat digalakkan oleh kerajaan. Amalan kerajaan ini akan menunjukkan suatu teladan yang

baik untuk diikuti oleh sektor swasta. Garis-garis panduan dan arahan-arahan mengenai dasar kandungan tempatan harus dihantar oleh Kementerian Kewangan kepada semua kementerian, jabatan, bahagian, agensi dan perbadanan di semua peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk dilaksanakan.

- Perkara yang kedua yang saya ingin membawa kepada perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ialah bahawa Kerajaan Persekutuan memberi peruntukkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju swasta untuk menutup kos pembangunan infrastruktur di tanah perindustrian agar tanah ini dapat dijual kepada IKS tempatan pada harga yang iebih rendah. Ada beribu-ribu IKS tempatan yang sedang mengendali di atas premis atau tanah yang tidak dimaksudkan untuk kegunaan perindustrian. Ini adalah kerana mereka tidak mampu membeli tanah perindustrian yang dijual pada harga pasaran. Justeru itu, IKS ini diklasifikasi sebagai haram, walaupun mereka menawarkan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang penting kepada industri-industri perkilangan yang lebih besar.

Sekiranya Kerajaan Persekutuan dapat memperuntukkan wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pemaju-pemaju swasta bagi menutup kos infrastruktur dan justeru menjadikan tanah dan premis perindustrian lebih murah bagi IKS tempatan, maka lebih ramai JKS botech membeli tanah atau kilang-kilang ini, dan seterusnya IKS ini akan mempunyai keyakinan dan keselamatan, ada sence of security, dengan izin, untuk mempertingkatkan .mutu serta memodenkan operasi-operasi mereka. Ini akhirnya akan menjadikan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan lebih berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga dan terakhir saya ingin bangkitkan ialah cadangan bahawa kerajaan harus memberi sedikit-sebanyak galakan dan bantuan

kepada pengeluar-pengeluar tempatan dalam bagi pengeluaran-pengeluaran rakaman filem video, video training film, dengan izin, mengenai kesemua aspek pembangunan sumber manusia, pengurusan, penyeliaan, teknikal dan vokasional, kemajuan personalia dan sebagainya. Kebanyakan di antara filem-filem video yang kini digunakan untuk latihan di negara kita adalah dikeluarkan di negara-negara asing.

Beberapa tahun dahulu kerajaan telah memperkenalkan satu strategi serta menawarkan galakan-galakan supaya filem-filem iklan televisyen dapat dikeluarkan di negara kita. Pada hari ini kita dapat melihat betapa berjayanya strategi ini. Filem-filem iklan di TV yang dikeluarkan di Malaysia adalah setanding dengan yang terbaik dari negara-negara lain. Filem-filem video yang digunakan untuk latihan dipastikan dapat memenuhi permintaan yang begitu besar untuk program-program pembangunan sumber manusia di negara kita.

Dengan adanya satu pelan kerajaan dan insentif-insentif yang sesuai, pengeluaran filem-filem radio latihan bagi mempertingkatkan kemahiran tenaga buruh di negara ini akan dirangsangkan.

Sekian, saya sekali lagi ingin menyuarakan sokongan saya untuk Belanjawan 1995.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Timbaian Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat elok saya beri sedikit round-up secara ringkas, kerana daripada awal tadi ada sebutkan bahawa sekurang-kurangnya 20 perkara yang telah dihighlightkan dalam ucapan tadi.

Jadi, saya sebutkan perkara-perkara yang masih saya rasa belum disentuh secara mendalam, iaitu yang pertama mengenai masalah inflasi. Yang kedua

berkaitan dengan R&D ataupun Penyelidikan dan Pembangunan, pendidikan, perkara-perkara yang berkaitan dengan barang-barang lebih daripada 6,000 items sama ada dilepaskan cukai ataupun dikurangkan cukai, berkaitan dengan road networks jaringan jalan-jalan yang jadi infrastruktur dalam kita menuju Wawasan.

Begitu juga tentang membasmi tentang kemiskinan, RM1.3 bilion diperuntukkan untuk luar bandar dan sektor pertanian, RM2.6 bilion untuk rumah murah. Lagi ialah tentang implikasi KDNK atau GNP ataupun GDP, 8.9% angka terakhir berbanding dengan kurang daripada 4% negara-negara OECD yang kaya seperti Amerika, Kanada, Jepun dan juga Perancis. Dan ini dikatakan ada di 'boost' ataupun diberi kontribusi yang positif oleh sektor pembuatan dan pembinaan.

Jadi, saya percaya, saya haraplah dalam waktu-waktu yang terbatas ini kita cuba dapat memberi sumbangan dalam perbincangan kita di dalam perkara-perkara highlight yang saya senyuh ini. Jadi, dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon. Dipersilakan.

5.41 pig.

Dr. Toh Kin Woon: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1995 dan bagi memperumukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Speaker, banyak telah pun dicapai oleh ekonomi Malaysia dalam tahun yang lepas. Seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam Ucapan Belanjawan bagi tahun 1995, Malaysia dijangka akan mencapai suatu kadar pertumbuhan

ekonomi yang tinggi iaitu setinggi 8.5% bagi tahun 1994 ini. Ini merupakan lahun ke tujuh negara kita mencapai kadar pertumbuhan ekonomi benar yang melampaui 8% setahun. Sebenarnya, kadar pertumbuhan ekonomi lahun yang telah dicapai oleh Malaysia antara lahun 1987 hingga 1992 merupakan yang tertinggi di dunia. Hasilnya pendapatan per kapita kita telah meningkat kepada RM8,856 atau USS3.406 berasaskan kepada kadar pertukaran atau USS8,050 dalam parity kuasa beli atau dengan izih, 'purchasing power parity'. Ini meletakkan Malaysia dalam kedudukan ke 18 dalam dunia dan hanya sedikit di bawah Republik Korea yang terletak di kedudukan 17 pada asas pendapatan perkapita mengikut parity kuasa beli atau purchasing power parity, dengan izin.

Kadar pengangguran negara kita telah pun berkurangan kepada paras yang rendah iaitu 2.9% dan ini mengikut apa juga ukuran pun merupakan guna tenaga penuh atau 'full employment'. Rizab negara kita telah bertambah kepada RM81.7 bilion atau USS34.2 bilion. Ini meletakkan negara kita dalam kedudukan yang kesembilan dalam amaun rizab yang dikumpulkan. Pada masa rizab pertukaran asing negara kita meningkat, hutang luar negara kita telah pun berkurangan. Nisbah khidmat hutang asing negara kita telah jatuh kepada paras 4.7% berbanding dengan 18.9% pada tahun 1986. Dari segi perdagangan asing, kini Malaysia merupakan negara perdagangan yang ke 19 terbesar di dunia ini.'

Sungguh pun prestasi ekonomi Malaysia begitu cemerlang sekali, namun kadar inflasi negara kita pada masa kini ialah hanya 3.7% sahaja walaupun pada hemat saya kadar ini boleh dan patut dikurangkan lagi.

Tuan Speaker, pencapaian ekonomi Malaysia yang begitu baik ini tidak syak lagi adalah hasil usaha kuat yang telah pun dibuat oleh rakyat Malaysia dan juga hasil daripada dasar-dasar sosio-ekonomi

Kerajaan Barisan Nasional yang liberal dan progresif. Untuk menyokong hujah saya, saya ingin membuat rujukan kepada suatu laporan, 'The World Competitiveness Report 1994' yang diterbitkan oleh 'The World Economic Forum and the International Management Development' di Switzerland. Mengikut laporan ini, Malaysia kini diletakkan sebagai 'The seventieth most competitive economy in the world', iaitu negara yang dari kebolehdayasainan adalah terclak pada kedudukan ke 17 di kalangan negara-negara di dunia dan yang ke 3 di kalangan non-OECD countries pada tahun 1992.

Negara kita terletak di kedudukan yang kelima bersama-sama dengan Hong Kong dari segi kadar tabungan dan yang terletak di kedudukan yang ketiga bersama-sama dengan Switzerland dari segi, dengan izin, 'The least economically risky country'. Saya ingin mengucapkan syabas kepada rakyat Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional ke atas usaha-usaha mereka yang telah berjaya membawa ekonomi kepada jalan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan juga guna tenaga penuh.

Tuan Speaker, walaupun kita telah banyak mencapaikemajuan, namun supaya kita dapat mengekalkan, kalau boleh mempeningkatkan lagi kebolehdayasainan ekonomi negara kita, kita harus memperkukuhkan lagi beberapa faktor yang menyumbangkan kepada kebolehdayasainan antarabangsa negara kita.

Tuan Speaker, saiah satu daripada faktor ini ialah pembangunan sumber-sumber manusia. Pada tahun 1990 peratusan daripada mereka yang terdapat dalam golongan umur 20 hingga 24 tahun yang berdaftar untuk pendidikan tinggi di Malaysia ialah lerdapat pada paras yang rendah iaitu 7% sahaja. Ini meletakkan negara kita dalam kedudukan yang ke 39, suatu kedudukan yang agak rendah. Sungguh pun data seumpamanya adalah ketinggalan zaman sedikit, namun ianya menunjukkan bahawa kedudukan

Malaysia dalam hal ini adalah agak rendah. Justeru, usaha-usaha yang lebih harus dibuat dalam bidang pendidikan tinggi khususnya dalam pendidikan teknikal dan kejuruteraan.

Saya merasa gembira, kerana memang adanya usaha-usaha ke arah ini. Saya merujuk khasnya kepada liberalisasi pendidikan yang membenarkan penubuhan kolej-kolej swasta yang seterusnya telah menganjurkan program-program berkembang dengan universiti-universiti asing yang terkenal. Hasil daripadanya adanya kolej-kolej swasta 'seumpama ini, saya pasti bahawa peratus daripada mereka yang terdapat dalam golongan umur 20 tahun hingga 24 tahun yang berdaftar di institusi-institusi pengajian tinggi telah pun meningkat. Usaha-usaha seumpama ini hams berterusan.

Untuk menggalakkan usaha-usaha ini, khasnya oleh sektor swasta, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya memberikan galakan cukai seperti mengecualikan institusi-institusi pengajian tinggi swasta ini daripada membayar cukai pendapalan untuk suatu tempoh tertentu supaya menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat melabur dalam penubuhan institusi-institusi pengajian tinggi ini. Insentif-insentif cukai sedemikian sudah pasti akan merangsang inisiatif-inisiatif yang lebih dalam penubuhan kolej-kolej swasta.

Memanglah mempertingkatkan keupayaan penawaran di peringkat pendidikan tinggi memerlukan sokongan dan kerjasama berbagai-bagai kementerian dan jabatan-jabatan seperti Kementerian Pendidikan dan Jabatan Imigresen. Seperti apa yang kita semua sedar sebelum sebuah kolej swasta dapat ditubuhkan ataupun sebelum suatu kolej swasta sediakala boleh memperkenalkan suatu program ijazah, diploma ataupun sijil yang baru dengan apa juga universiti atau politeknik di seberang laut, ianya harus dan mesti mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pendidikan terlebih dahulu. Sering kali kita dapati

kelulusan sedemikian adalah agak lambat didapati.

Buat masa ini, kesemua permohonan ini dibekukan sehingga pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti diluluskan. Pada hematsaya, kelambatan dalatn memberi kelulusan telah sedikit sebanyak menyekat penumbuhan dalam keupayaan penawaran bagi pendidikan tinggi oleh sektor swasta pada keseluruhannya. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan untuk mempercepatkan lagi pemberian kelulusan sedemikian supaya keupayaan penawaran institusi-institusi tinggi sektor swasta di Malaysia dapat ditampahkan dengan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, suatu faktor pengeluaran yang penting dalam institusi-institusi pendidikan tinggi tenaga manusia, secara khususnya pensyarah-pensyarah yang berkelayakan. Faktor ini penting dan harus sedia ada dalam kuantiti yang memadai, supaya memastikan penawaran pendidikan yang berkualiti tinggi. Pendidikan merupakan satu komoditi atau barangan, di mana bukan sahaja harus adanya kuantiti yang memadai tetapi yang lebih penting mutunya mestilah tinggi dan mutu yang hanya dapat dipastikan jika adanya bilangan pensyarah yang mempunyai kelayakan akademik yang baik dan penuh dengan pengalaman.

Malaysia kita menghadapi masalah kekurangan tenaga manusia sedemikian. Justeru itu, kita harus mendapatkan pensyarah-pensyarah sedemikian daripada negara-negara asing. Seringkali kita dapati kolej-kolej swasta menghadapi masalah dalam pengambilan pensyarah-pensyarah dari negara asing, oleh kerana adanya sekatan-sekatan yang diletakkan oleh Jabatan Imigresen. Banyak permohonan yang dibuat oleh kolej-kolej swasta bagi pihak pensyarah-pensyarah dari negara-negara asing oleh kolej-kolej swasta di Malaysia, sama ada tidak diluluskan ataupun diproses secara lambat. Sekali

lagi, saya rasa gerak balas sedemikian dari Jabatan Imigresen boleh menyekat keupayaan kolej-kolej swasta dan memperkembangkan lagi keupayaan penawaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memperkembangkan keupayaan penawaran hanya merupakan satu aspek masalah ini, Satu lagi aspek yang penting ialah mempertingkatkan lagi permintaan berkesan atau dengan izin, enhance affective demand, iaitu permintaan yang disokong oleh kuasa beli. Memang tidak dapat dinafikan bahawa adanya permintaan untuk pendidikan tinggi, tetapi permintaan yang berkesan seringkali di sekat oleh kerana banyak di antara isi rumah-isi rumah masih tidak mampu membiayai pendidikan anak-anak mereka di kolej-kolej swasta, ini adalah kerana yuran-yuran yang dikenakan oleh kolej-kolej swasta di Malaysia, walaupun lebih rendah daripada apa yang dikenakan oleh universiti-universiti di seberang laut, tetapi masih tinggi dan justeru itu terdapat di luar batas kemampuan banyak keluarga-keluarga yang miskin.

Oleh sebab biasiswa ataupun pinjaman amat susah didapau, pelajar-pelajar yang mempunyai potensi yang besar tetapi datang dari keluarga miskin seringkali tidak mampu mengikuti pendidikan yang tinggi. Ini mengurangkan permintaan berkesan dan menyekat bilangan yang boleh mendapatkan pendidikan tinggi. Oleh yang demikian, negara kita mengalami kerugian yang besar dari segi kemahiran dan ilmu yang dilepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan penubuhan sebuah bank pendidikan yang mempunyai portfolio utamanya iaitu liabiliti dalam bentuk yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Semua yang mempunyai kelayakan untuk melanjutkan pelajaran tetapi menghadapi masalah kerumitan kewangan boleh memohon kepada bank ini untuk mendapatkan pinjaman, dan semua permohonan ini harus diluluskan.

Collateral, dengan izin, untuk pinjaman-pinjaman seumpama ini adalah keupayaan mendapatkan pendapatan pada masa depan pelajar-pelajar ini selepas mendapat ijazah mereka. Bank seumpama ini boleh dikendalikan mengikut garis-garis panduan seperti sebuah syarikat perumahan ataupun building spciety yang khusus memberikan pinjaman kepada pelanggan untuk membeli rumah, tetapi dalam kes ini, Bank Pendidikan ini khusus memberikan pinjaman kepada pelanggan-pelanggan untuk membiayai pendidikan tinggi dan juga latihan unluK mendapatkan kemahiran.

Peminjam-peminjam ini diwajibkan membayar balik sebaik sahaja mereka mula bekerja. Sungguhpun prinsip sedemikian telah pun beroperasi berkait dengan pemberian pinjaman untuk pendidikan tinggi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Kerajaan, namun skop dan liputan skim sedemikian adalah agak terbatas. Dengan adanya sebuah bank pendidikan yang mempunyai penyertaan ekuiti oleh kedua-dua sektor swasta dan awam, skop dan liputan bank sedemikian dapat diperkembangkan. Permintaan berkesan kemudiannya dapat dipertingkatkan dan bilangan tenaga manusia yang mempunyai kemahiran dan ilmu akan dapat ditambahkan secara besar-besaran dan ini akan mendatangkan faedah kepada orang perseorangan dan juga negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan 1995, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan lagi kelonggaran peraturan-peraturan berkait dengan mengeluarkan simpanan daripada EPF untuk membeli rumah oleh pekerja-pekerja yang membuat caruman kepada EPF ini. Kelonggaran ini akan membenarkan pembiayaan untuk pembelian rumah-rumah. Pengeluaran juga telah diluluskan untuk membiayai perbelanjaan untuk perubatan yang diluluskan. Sungguhpun saya mengalu-alukan langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan, namun saya tidak memahami

mengapa skim ini tidak membenarkan pengeluaran sebahagian daripada caruman penyumbang-penyumbang kepada EPF untuk membiayai pendidikan tinggi.

Pada hemat saya mereka yang membuat caruman kepada EPF harus diberikan sedikit kuasa untuk menentukan pelaburan simpanan mereka di EPF tertakluk kepada syarat bahawa pelaburan yang mereka buat ini haruslah yang produktif dan tidak spekulatif dan justeru itu menghadapi risiko yang tinggi.

Menggunakan sebahagian daripada simpanan EPF untuk membiayai pendidikan tinggi anak-anak mereka, pada hemat saya merupakan salah satu daripada kegunaan tabungan mereka yang produktif. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya mempertimbangkan skim ini dalam belanjawan tahun hadapan. Apabila diperkenalkan, ini juga merupakan satu langkah untuk mempertingkatkan permintaan untuk pendidikan tinggi di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa gembira mendapat tahu bahawa Akta Universiti dan Kolej Universiti ini sedang dipinda supaya membenarkan cawangan universiti-universiti asing ditubuhkan di Malaysia. Di antara pindaan-pindaan ialah suatu yang membebankan kegunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia.

Saya mengalu-alukan langkah ini kerana ianya akan menarik beberapa buah universiti yang terkenal di negara asing menubuhkan cawangan-cawangannya di Malaysia. Universiti-universiti tempatan harus terus menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, sementara kolej-kolej swasta dan kampus-kampus cawangan universiti-universiti luar boleh menggunakannya bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Tuan Speaker, sekarang saya ingin menyentuh tentang kawalan inflasi. Seperti apa yang telah saya katakan terlebih awal tadi, walaupun kadar inflasi di negara kita ialah hanya 3.7% yang memang secara

relatifnya rendah namunnya ianya boleh dikurangkan lagi. Kita patut berusaha mencapai kadar inflasi '0' seperti yang dinasihatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita. Sasaran sedemikian bukanlah tidak realistik. New Zealand kini mengalami kadar inflasi kurang dari 1%. Untuk membanteras inflasi, kerajaan kita telah pun mengambilgunakan satu siri langkah seperti dasar monitor yang ketat, perbelanjaan awam yang berawas dan seperti apa yang telah diumumkan dalam Belanjawan tahun 1995 menghapuskan atau mengurangkan duti-duti import ke atas kira-kira 2,600 jenis barang yang diimportkan. Langkah terakhir ini bererti penawar barang-barang akhir, perantaraan dan modal pada harga yang lebih rendah akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya inflasi akan diturunkan.

Di sini andaian-andaian ialah duti-duti import yang lebih rendah atau yang dihapuskan akan diserahkan kepada para pengguna dan yang kedua, kadar pertukaran ringgit akan terdapat pada paras yang stabil. Andaian yang pertama dipastikan melalui semakan yang sering dibuat oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan Domestik dan Hal Ehwal Pengguna tetapi tidak adanya apa jua yang disentuh mengenai perlunya kadar pertukaran asing ringgit dikekalkan pada paras yang stabil.

Saya rasa supaya pengurangan atau penghapusan duti-duti import ke atas import diterjemahkan dalam harga-harga yang lebih rendah untuk para pengguna adalah perlunya kadar pertukaran asing untuk Ringgit Malaysia distabilkan khasnya dengan mata wang negara-negara dengan mana kita adakan perdagangan yang besar. Sekiranya kadar pertukaran asing ringgit makin menurun, ini akan melawan kesan duti import yang lebih rendah atau '0' dengan tiada adanya sebarang kesan ke atas harga barang-barang yang diimport.

Jadi supaya the cheap import policy', dengan izin, dapat memamkan peranan sebagai suatu strategi berlawan inflasi yang berkesan, pada hemat saya satu

kadar pertukaran asing yang stabil amatlah penting. Di sini, Bank Negara Malaysia bolehlah memainkan peranan yang penting.

Tuan Speaker, satu langkah lagi yang digunakan untuk mengawal inflasi di Malaysia ialah melalui tindakan pentadbiran yang diambil iaitu dengan meletakkan satu barang pengguna yang asas sebagai suatu butir yang dikawal. Salah satu daripada contoh baru-baru ini ialah meletakkan daging ayam sebagai satu butir yang dikawal. Pada hemat saya, meletakkan barang-barang dalam senarai yang dikawal tidak harus digunakan sebagai satu langkah selalunya. Adanya beberapa sebab mengapa saya mengatakan demikian. Yang pertama skim sedemikian akan membawa kepada perkembangan birokrasi dan justeru, mempertingkatkan lagi kos mentadbirkan skim ini.

Yang kedua, skim ini mungkin menimbulkan peluang untuk rasuah. Yang ketiga, skim ini juga melibatkan campur tangan yang melampau dengan daya-daya permintaan dan penawaran di pasaran untuk barang-barang. Satu cara yang lebih baik dan berkesan untuk mengawal inflasi ialah supaya kita meliberalisasikan lagi dan juga mempertingkatkan lagi persaingan pasaran untuk barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan. Semua sekatan yang diletakkan di atas kemasukan ke dalam pasaran harus disingkirkan bila-bila ianya dapat dilakukan secara teknikal.

Ini akan menambahkan lagi kepunyaan penawaran dan seterusnya penawaran dan dengan cara yang demikian, tekanan ke atas harga dapat dikurangkan. Jika harga dikawal seperti apa yang dibuat berkait dengan barang-barang yang diletakkan di bawah senarai yang dikawal, maka dalam keadaan sedemikian harga tidak dapat memainkan peranan sebagai suatu isyarat untuk menggalakkan kemasukan di dalam pasaran. Kepunyaan penawaran akan disekat walaupun permintaan meningkat. Permintaan berlebihan ini

boleh dipenuhi melalui import tetapi ini melibatkan penggunaan rizab pertukaran asing.

Jika pengeluaran domestik dapat dipertambahkan untuk memenuhi permintaan berlebihan ini, saya rasa ini adalah jauh lebih baik tetapi di sini harga patut dibenarkan kebebasan untuk bergerak. Kalau tidak, harga-harga akan tidak dapat memainkan peranan sebagai satu inducement mechanism, dengan izin.

Oleh yang demikian, Tuan Speaker, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya tidaklah selalu menggunakan langkah meletakkan barang-barang dalam senarai yang dikawal sebagai suatu langkah untuk mengawal inflasi. Satu langkah yang lebih baik ialah memastikan adanya pasaran yang kompetitif, yang membenarkan kebebasan masuk dan keluar dan kebebasan bergerak bagi harga dan ini seterusnya akan membawa kepada perubahan-perubahan yang memadai kepada kedua-dua permintaan dan penawaran dan seterusnya membawa kepada keseimbangan antara kedua-dua ini.

Tuan Speaker, satu perkara lagi yang saya ingin membangkitkan dan ini adalah perkara yang terakhir, saya berasa khuatir juga berkait dengan defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran negara kita. Defisit yang makin bertambah ini menunjukkan adanya suatu lompong antara tabungan dan pelaburan di mana tabungan adalah kurang daripada pelaburan. Lompong ataupun jurang ini telah pun dibiayai melalui pengaliran masuk modal secara besar-besaran dari negara asing.

Sungguhpun cara membiayai jurang antara tabungan dan pelaburan terdiri sebahagian besar daripada aliran masuk modal asing yang kemudiannya dilaburkan secara produktif yang pada jangka masa panjang akan menghasilkan dividen. Namun, terasa usaha-usaha yang serius harus juga dibuat untuk mengurangkan defisit dalam akaun secara imbalan

pembayaran negara ini. Memang usaha-usaha sedemikian telah pun dibuat ini terutamanya terdiri daripada penggantian import dalam perkhidmatan-perkhidmatan seperti pendidikan tinggi, perkapalan dan insurans.

Ini adalah kerana defisit su besar dalam akaun semasa imbalan pembayaran adalah terutamanya disebabkan oleh defisit besar dalam akaun perdagangan perkhidmatan. Tambahan lagi saya rasa adanya satu kes kuat untuk mempertingkatkan lagi kadar tabungan, khususnya kadar tabungan secara sukarela dan tidak sekadar tabungan paksaan, increase the rate of voluntary savings as opposed to increasing the rate of compulsory savings.

Dalam hal ini, mengadakan lebih banyak opsyen tabungan ataupun mengadakan lebih banyak alat tabungan dalam pasaran modal dan meninggikan kadar faedah adalah di antara langkah-langkah yang perlu dibuat untuk mempertingkatkan lagi kadar tabungan secara sukarela. Tabungan sektor awam harus juga dipertingkatkan. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana berjaya bagi tahun yang ketiga menghasilkan suatu Belanjawan berimbang.

Akhirnya, Tuan yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang soal Akta Pengambilan Tanah. Saya mendapati daripada banyak laporan yang tersiar di dalam surat khabar bahawa di antara masalah-masalah yang dihadapi dalam kegunaan akta ini oleh kerajaan adalah:

- (i) kompensasi yang tidak memadai untuk pemilik-pemilik tanah yang tanah mereka diambil;
- (ii) mengambil tanah daripada pemilik dan kemudian menjualkannya untuk pembangunan oleh pemilik atau syarikat swasta yang lain dan ini telah membawa kepada kekecewaan kepada pemilik asal dan akhirnya keengganan pemilik-

pemilik tanah untuk melepaskan tanah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa adalah amat sukar untuk menentukan apakah yang merupakan kompensasi yang adil untuk pemilik-pemilik tanah. Tidak kira berapa banyak yang dibayar pun, boleh dikatakan, kebanyakan, malah semua pemilik-pemilik tanah pun tidak puas hati dan tidak gembira dan amaun yang bayar sebagai kompensasi oleh kerajaan.

Daripada apa yang saya fahami, apabila tanah diambil untuk maksud pembangunan, kerajaan selalunya bergantung kepada Jabatan Penilaian untuk menilaikan tanah dan seterusnya amaun kompensasi yang harus dibayar oleh kerajaan kepada pemilik-pemilik tanah. Jika pemilik-pemilik tanah ini tidak puas hati dengan amaun kompensasi ini, mereka boleh merujuk perkara ini kepada mahkamah untuk suatu penyelesaian yang muktamad.

Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya telah katakan, menang tidak adanya sebarang amaun kompensasi yang akan dianggap sebagai memuaskan oleh pemilik-pemilik tanah. Tetapi, memang ada kes-kes di mana amaun kompensasi yang dibayar adalah agak rendah sekali. Saya ada mendengar kes di mana kompensasi yang dibayar adalah kurang daripada amaun yang dibayar oleh pemilik pada masa dia membeli tanah itu dan adanya suatu jangka masa yang agak lama antara masa dia membeli tanah dan masa tanahnya diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah.

Justeru, pemilik tanah ini telah pun mengalami kerugian yang besar, ini sudah tentu tidak adil. Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada kerajaan untuk menyiasat dengan teliti kompensasi yang dibayar supaya sekurang-kurangnya memastikan tidak adanya sebarang kerugian yang diambil oleh pemilik-

pemilik tanah pada masa tanah mereka diambil.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin menyuarakan sokongan saya untuk Belanjawan 1995 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tirabalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah, sila.

6.15 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1995 yang telah dibentangkan tengah hari tadi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat seluruhnya berterima kasih di atas Belanjawan yang begitu selesa bagi semua dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana dapat membentangkan Rang Undang-undang ini dengan begitu menarik, membuatkan rakyat dapat mengikutinya dengan mudah dan meninggalkan kesan bahawa Belanjawan 1995 ini adalah satu Belanjawan untuk semua lapisan masyarakat.

Saya amat tertarik dengan Belanjawan Berimbang yang dapat dicapai pada tiga tahun berturut-turut ini dan juga menarik sekali bahawa kerajaan telah memperuntukkan hampir 64% daripada belanjawan pembangunan bagi projek-projek di wilayah dan kawasan desa. Sebagaimana biasa, sebahagian besarnya ialah untuk pertumbuhan ekonomi desa. Persoalannya, adakah pulangan setimpal dengan peruntukan yang telah diperuntukkan? Pada pandangan saya, kampung-kampung kini telah sunyi daripada tenaga muda yang berkeupayaan membantu atau menjadi agen pertumbuhan itu. Senario di desa kini berubah.

Misalnya surau-surau yang pasti kini lebih selesa daripada dahulu yang dahulunya turut dijiwai oleh tenaga-tenaga, muda sudah dihuni oleh penduduk yang berumur 50 tahun ke atas sahaja.

Sekarang, kalau ada pun yang belum berhijrah ke bandar ataupun ke kawasan perindustrian di bandar-bandar dan duduk menetap di sana hanyalah baki gadis-gadis yang juga hari-hari dipungut oleh bas-bas kilang yang membawa mereka bekerja di kilang-kilang berpuluh-puluh batu daripada desa tempat tinggal mereka. Mereka biasanya akan menunggu bas pagi selepas subuh dan akan balik sebelum maghrib. Inilah cara hidup di desa kini.

Di masa yang sama, sawah terus terbiar, pokok-pokok geiah terus merimba, dusun-dusun buah-buahan terus sepi dan tanah-tanah pusaka terus ditinggalkan dan diabaikan. Saya bercadang, tidak tahu sebenarnya kementerian mana yang harus saya ajukan pertanyaan kerana begitu banyak kementerian yang dipertanggungjawab untuk pertumbuhan desa ini. Ya, saya bercadang supaya kerajaan mengenalpasti mana-mana satu kementerian supaya bertanggungjawab bagi menentukan bahawa hasrat kerajaan tercapai dan peruntukan yang diberikan tidak sia-sia, sebaliknya mendatangkan hasil dan pulangan sebagaimana yang dihajati.

Tidaklah boleh diadakan satu jabatan khas di Kementerian Kewangan ataupun di Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaraskan kerja-kerja ini? Harus dibuat penyelidikan yang rapi dan dibuat reformasi bagi membangun desa, terutamanya desa tradisional supaya desa-desa ini kembali bertenaga, bergerak ke arah masyarakat yang berteraskan cita rasa kita dengan acuan kita.

Wahai yang dikasihi Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, kami di kubang, di parit, di rantau, di ceruk dan di kuala bukan sahaja menagih ingatan

dan peruntukan yang begitu lumayan, tetapi kami menunggu masa dan ketika desa kembali segar dan surau-surau kembali riang, sekolah-sekolah bertambah muridnya, bukan berkurangan dan yang penting, kami menunggu akan kepulauan ke pangkuan kami anak-anak cucu yang telah merantau menimba ilmu bersama-sama membangunkan kami di kubang, di parit, di rantau, di ceruk dan di kuala ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan yang dirakamkan di atas sunibangan, peranan dan penyertaan golongan wanita yang tampak, saya ingin quote:

"Tampak dan berkesan di dalam hampir semua sektor, bahkan di dalam perindustrian tertentu seperti pendidikan, perubatan, bidang pembuatan di luar bandar-negara bergantung kepada golongan wanita."

Dengan nada yang sama dan dengan lunaknya juga, saya quote sekali lagi:

"Kami semakin sedar terhadap peranan wanita tatkala masyarakat berdepan dengan pelbagai penyakit sosial. Justeru sekali sumbangah mereka termasuk bagi mengukuhkan institusi keluarga akan menjadi semakin penting."

Terimakasih yang tidak terhingganya, tetapi bolehkah saya di sini bertanya di dalam pembentangan Belanjawan ini, adakah di mana-mana diperuntukkan untuk mana-mana kementerian bahawa sekian-sekian banyaknya haruslah diperuntukkan bagi memungkinkan apa yang telah dtsuratkan tadi? Ingin saya berkongsi rasa di Dewan yang mulia ini bahawa di sini, adakah "udang di sebalik batu"? Adakah satu paragraf kecil di dalam mukaddimah yang begini tebal cukup untuk menampakkan kesungguhan kementerian bagi menangani masalah wanita di negara ini? Atau di hati ini merasakan bahawa adakah cuma

menyedap hati, mengurut belakang wanita supaya kami wanita selesa di musim-musim menjelang pilihan raya ini?

Benar baru-baru ini ada geran yang lelah diberi kepada women in management, dengan izin, tetapi pastikah penyakit kami di kubang tadi atau di parit, di rantau, di ceruk dan kuala dapat diubati? Pastikah juga jaga anak-anak kami di kawasan industri yang kini merupakan generasi baru dan kini menyumbang ke arah tercapainya nilai eksport 78% dengan nilai eksport selumhnyamendapatagihan yang sewajarnya daripada nikmat negara yang memberangsangkan ini?

Di Dewan yang mulia ini saya menyarankan bahawa semua kementerian yang ada dimestikan memperuntukan sejumlah daripada peruntukan untuk merealisasikan hasrat dan cita-cita ini. Pada kami, lidak cukup apabila bercerita tentang pencapaian kita dalam bidang keusahawanan dan pembuatan. Kami wanita merupakan pekerja-pekerja industri yang berkerja shift. Jadi, seakan-akan mesin yang dipunyai oleh kilang-kilang tempat kerja kami.

Wanita meminta supaya di beri peluang supaya ada program-program khas untuk wanita dikementerian-kementerian yang berkenaan di mana penyertaan wanita supaya dapat berkesan dan dapat dilihat di dalam semua kegiatan, di semua bidang, di semua tahap, kami memerlukan kesungguhan dan komitmen kerana pengagihan kekayaan dan pemerataan sosial haruslah dilihat juga dari aspek gender, dengan izin.

Sebagai contoh, wanita berharap, jika kerajaan telah memperuntukkan RM679 juta untuk pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumi-putera, maka berilah kuota yang tertentu supaya bumiputera wanita merancang dan menentukan lebih bersepadu dalam menggunakan dan melaksanakan konsep-konsep vendor, payung, franchise dan

skim-skim modal teroka, skim inkubator dan skim kilang bimbingan. Berilah sedikit keutamaan kepada wanita. Kami akan amat berterima kasih.

Saya sedar wanita merupakan tunjang mengukuhkan institusi-institusi keluarga dan kita arif bahawa ketua keluarga tetap para bapa. Kita sedar juga kini bahawa ramai mengikuti kegiatan agensi kerajaan dan melalui pertubuhan NGO wanita menghadiri seminar, kursus, bengkel keibubapaan dan keluarga bahagia dan kita juga arif bahawa sangat kurang para bapa yang hadir. Oleh itu, saya cadangkan bahawa agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab khususnya Jabatan Perdana Menteri menentukan bahawa kaum bapa diberi galakan datang menghadiri aktiviti begini kerana peranan ketua keluarga amat penting dalam mengukuhkan institusi keluarga.

Oleh itu, jika kita mahu wanita berjaya dalam kedua-dua bidang kerjaya dan keluarga, segala prasarana yang diberikan kepada wanita supaya mereka tetap mengimbangkan tanggungjawab keluarga dan kerjaya, tidak mengabaikan kedua-duanya dan di masa yang sama dapat meningkatkan mutu hidup dirinya dan keluarganya. Contoh prasarana yang saya maksudkan ialah dengan izin, flexi-hours di masa kerja dan keduanya mewajibkan majikan termasuk kerajaan yang menjadi majikan mendirikan pusat penjagaan anak-anak di tempat kerja dan lagi beberapa perkara yang kita boleh fikirkan kemudian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh peruntukan RM176 juta untuk program Rakan Muda dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan di atas program yang telah dirancang. Semoga dapat diimplementasikan sebagaimana yang dirancang. Di sini, saya amat tertarik dengan berita-behata akhbar tentang wujudnya kerjasama Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Belia

dan Sukan di dalam menjalankan program Rakan Muda ini.

Di atas semangat yang sama, saya cadangkan Kementerian Belia dan Sukan bekerja bersama-sama dengan Kementerian Tanah dan Koperasi kerana kini hampir semua sekolah-sekolah menengah sudah ada koperasi mereka sendiri yang sedang menjalankan berbagai aktiviti daripada mengendalikan kedai-kedai bagi keperluan sekolah hinggalah ke pelancongan dan lain-lain lagi. Melalui gerakan koperasi sekolah-sekolah ini, gaya hidup Rakan Muda, Wira Mahir dan Wira Usaha dapat disalurkan.

Tambahan pula di masa ini telah ada usaha dijalankan bagi melibatkan koperasi sekolah seluruh negara dengan industri pelancongan. Usaha-usaha ini sedang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan, Jabatan Pembangunan Koperasi, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), hasratnya supaya koperasi sekolah yang dikendalikan oleh koperasi iaitu pelajar-pelajar ataupun Rakan Muda dapat mewujudkan satu rangkaian pelancongan bagi menyemarakkan industri pelancongan negara. Melalui program ini pelajar-pelajar kita dapat melancong ke tempat penting di tanah air dengan harga yang berpatutan.

Umpamanya, koperasi sekolah di selatan akan menyediakan risalah-risalah tentang tempat bersejarah, tempat perusahaan dan tarikan alam sekitar di tempat mereka kepada semua koperasi sekolah di negara ini ataupun mungkin di satu hari nanti di luar negara sambil juga menawarkan tempat penginapan, hostel-hostel sekolah mereka yang berpatutan. Katalah ada sekolah di utara menerima pelawaan ini dan mengaturkan kumpulan melancong ke selatan di bawah pakej koperasi sekolah tadi, dari urusan pelancongan ini kedua-dua koperasi mendapat faedah iaitu yang menawar

perkhidmatan dan juga menerima perkhidmatan. Urusniaga-urusniaga pelancongan ini seterusnya akan melibatkan koperasi sekolah-sekolah di seluruh tanahair termasuklah di Malaysia Timur dan juga jika berjaya boleh dibukakan kepada koperasi-koperasi sekolah di Indonesia ataupun Jepun dan lain-lain negara lagi.

Justeru itu, beberapa manfaat boleh diperolehi. Pertamariya, pelajar dilatih secara praktikalnya mengurus pakej pelancongan daripada pemasaran hinggalah ke pengurusannya. Keduanya, pelajar ataupun Rakan Muda tadi dapat pengalaman secara langsung tentang pengurusan pelancongan, pentadbiran kewangan dan menjadi pemandu pelancongan- Kalau tidak silap saya rasa tour-guide kita amat berkurangan di kalangan rakyat Malaysia yang benar-benar dapat menghayati citarasa Malaysia kepada pelancong luar negeri. Dan yang pentingnya, apabila mereka lulus persekolahan, kemahiran ini akan menjadi satu aset dalam kerjaya mereka. Pelajar-pelajar ini juga dapat disemai semangat keusahawanan dalam diri mereka dan ketiganya Tuan Yang di-Pertua, melalui program ini dapat disemaikan kepada pelajar kita bukan sahaja pelancong luar negara, dengari izin, "To know Malaysia, is to love Malaysia".

Semoga dengan kegiatan pelancongan di kalangan pelajar-pelajar ini akan menanam semangat cintakan negara dan mereka merasa megah dengan negara dan akhirnya mereka akan menjadi warganegara yang baik dalam perjalanan ke tahun 2020. Jangan lupa juga, bahawa mengikiit pakar-pakar ekonomi termasuklah John Nisbert, bahawa pelancongan akan menjadi salah satu industri yang terbesar di satu masa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah tadi pandangan saya di atas apa yang boleh dilakukan apabila beberapa kementerian

dapat bekerjasama bagi mempertingkatkan mutu hidup kita rakyat Malaysia dan juga mengubati penyakit masyarakat yang disebabkan oleh kesan sampingan kemajuan pembangunan itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta Perbekalan 1995. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Kian Sit Har.

6.26 *ptg.*

Puan Kian Sit Har: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berdirinya saya di sini untuk memberikan sedikit pandangan tentang Belanjawan 1995. Belanjawan 1995 yang dibentangkan baru-baru ini adalah merupakan satu Belanjawan yang amat melegakan rakyat. Ia bukan sahaja tidak membebankan malahan telah memberikan imbuhan yang lumayan kepada semua pihak khususnya rakyat negara ini keseluruhannya,

Belanjawan ini berobjektifkan empat matlamat utama. Pertama, menggalakan pertumbuhan ekonomi. Yang kedua, menangani inflasi. Yang ketiga, menggembleng gunatengah negara. Yang keempat, mewujudkan masyarakat prihatin dan penyayang. Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomidan mengawal inflasi, kerajaan bertekad untuk memastikan harga barangan terkawal dan tidak melambung tinggi. Ini adalah penting supaya rakyat hidup dalam keadaan yang selesa. Kerajaan bcrpendapat harga barangan yang melambung tinggi adalah punca inflasi yang utama.

Di samping itu, kerajaan juga tidak lupa untuk menggembleng gunatengah kepada tahap yang maksimum agar dapat mewujudkan masyarakat yang maju, prihatin dan penyayang. Bekalan keperluan yang mencukupi serta harga barangan yang berpatutan dengan sendirinya dapat mengawal inflasi.

Namun, dalam kesempurnaan Belanjawan 1995, masih ada ruang-ruang yang harus diberi perhatian dan di atasi iaitu kerajaan masih belum bersedia untuk melupuskan sales tax dan service tax. Sales tax sebanyak 5% masih kekal. Banyak barangan termasuk keperluan harian serta jamuan "kedari-kedari" di restoran masih dikenakan sales tax, Setengah-setengah pihak sama ada sengaja atau tidak menerima bayaran sales tax tanpa membekalkan resit. Ini secara langsung bukan sahaja menguntungkan pihak-pihak tertentu malah amat membebankan kepada si pelanggan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

Puan Kian Sit Har: Terima kasih. Saya dua minit sahaja. Okay.

Timbalan Yang di-Pertua: Esok boleh sambung. Dua minit pun boleh.

Puan Kian Sit Har: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukut 6.30 petang.